



PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5393]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1974:
Jawatankuasa—

Jadual:

Kepala B. 15 [Ruangan 5427]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1974:
Jawatankuasa—
Kepala P. 15 [Ruangan 5427]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KETIGA

Hari Selasa, 8hb Januari, 1974

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru Timur).

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).

„ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S. (Ulu Rajang).

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).

„ Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).

„ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian Selatan).

„ Menteri Penerangan dan Menteri Tugas-tugas Khas, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).

„ Menteri Pelajaran, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.K. (Tanah Merah).

„ Menteri Tugas-tugas Khas, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Segamat Utara).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN MOHAMED BIN UJANG, K.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ DATUK HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SBRI (Johor Timur).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungai Patani).
- „ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN, A.M.P. (Ulu Kinta).

Yang Berhormat TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).

- ” DR CHEN MAN HIN (Seremban Timur).
- ” DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- ” TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- ” TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- ” TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- ” TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- ” TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- ” TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- ” TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- ” TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- ” TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- ” TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- ” Tuan HOR CHEOK FOON (Damansara).
- ” TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- ” DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S. (Bandar Sibu).
- ” TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- ” TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- ” TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- ” TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- ” DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- ” TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- ” TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- ” TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- ” TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- ” TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- ” DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- ” TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- ” TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- ” TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- ” TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- ” DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- ” Wan MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, S.M.S., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Luar Negeri, TUN HAJI ABDUL RAZAK
BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).

„ Menteri Tak Berpotfolio, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).

- Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).**
- „ **Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).**
- „ **Menteri Pertahanan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).**
- „ **Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat Selatan).**
- „ **Timbalan Menteri Kewangan, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Johor Bahru Barat).**
- „ **TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).**
- „ **PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).**
- „ **TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).**
- „ **TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).**
- „ **TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).**
- „ **DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).**
- „ **CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).**
- „ **DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).**
- „ **TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).**
- „ **TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).**
- „ **DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).**
- „ **TUAN LUHAT WAN (Baram).**
- „ **TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).**
- „ **TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).**
- „ **TAN SRI HAJI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).**
- „ **TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).**
- „ **TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).**
- „ **TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).**
- „ **TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).**
- „ **TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).**
- „ **DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).**
- „ **DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).**
- „ **PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).**
- „ **TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).**
- „ **DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).**

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am, PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantik).**
- „ **Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN WONG SENG CHOW. (Dilantik)**

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Ng Cheng Kuai.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

BENTARA MESYUARAT

Mejar Musa bin Alang Ahmad

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PERLADANGAN BERJENTERA DI SARAWAK

1. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan sejauh manakah Kerajaan telah melaksanakan perladangan berjentera di Sarawak, terutama sekali di dalam penanaman padi, memandangkan kekurangan bijirin antarabangsa yang berlaku pada masa ini.

Menteri Pembangunan Ekonomi Desa (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Pertanian Negeri Sarawak ada mempunyai sebanyak 106 unit jentera bajak (power tillers) yang digunakan sepenuhnya di kawasan-kawasan sawah yang sesuai yang diusahakan mahupun dalam musim padi ataupun di luar musim tanaman padi bagi menanam tanaman-tanaman jangka pendek (cash crop).

Jabatan itu mempunyai peruntukan kewangan untuk membeli sebanyak 20 unit jentera baharu tiap-tiap tahun dalam Rancangan Malaysia Kedua.

Aturan penggunaan jentera-jentera bajak itu dibuat oleh Jabatan Pertanian Negeri Sarawak sebelum tiba musim padi iaitu untuk menentukan bilangan jentera di kawasan-kawasan penggunaannya. Kawasan-kawasan padi dengan cara berkumpul (block planting) yang telah mempunyai kemudahan parit dan taliair yang boleh mengusahakan diberi keutamaan.

KONTREK FIRMA KOREA SELATAN

2. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan sebab-sebab kontrak diberi kepada dua buah firma Korea Selatan untuk membina expressway Seremban Kuala Lumpur yang sejauh 33 batu itu pada hal ada banyak firma-firma jurutera pembinaan tempatan yang berkebolehan dalam Negeri ini.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua untuk maklumat Ahli Yang Berhormat satu soalan yang hampir-hampir sama telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 3hb Disember, 1973 yang lalu.

Seperti yang telah dinyatakan di dalam Dewan ini bahawa tawaran-tawaran yang dibuat terhadap projek ini baik oleh firma-firma dalam atau luar negeri terpaksa mengikut syarat-syarat yang dikenakan oleh Kerajaan serta Bank Dunia sebagai pihak yang memberikan pinjaman. Tiga firma-firma dari Malaysia dan 6 yang lain berupa "joint venture" antara firma Malaysia dan luar negeri adalah di antara yang layak dan diterima untuk membuat tawaran bagi projek ini.

Hasil daripada tawaran-tawaran yang diterima Kerajaan telah menghadiahkan kerja-kerja pembinaan ini kepada sebuah firma dari Korea dan sebuah lagi firma "joint venture" antara Malaysia dengan Korea.

Oleh yang demikian, ternyatalah bahawa pihak Kerajaan telah memberi peluang kepada kontraktor-kontraktor tempatan yang layak untuk bertanding dengan firma-firma luar negeri sambil itu memenuhi pula syarat untuk mendapatkan pinjaman Bank Dunia.

Dr Chen Man Hin: Soalan tambahan. Saya tidak faham apakah sebabnya projek membina jalanraya sangat sulit sedangkan masalah mendapatkan engineer itu bukanlah susah di negara ini. Apakah sebabnya kita mesti mengambil kontraktor dari luar negeri, sebaliknya di dalam negeri kita ada banyak kontraktor atau engineer boleh membina jalanraya itu. Oleh itu, apakah sebabnya kita terpaksa mengambil kontraktor dari luar negeri?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya terangkan tadi, kita mengambil kontraktor dari luar negeri adalah memenuhi syarat daripada bank yang memberi pinjaman kepada kita, kerana wang untuk membina jalanraya itu adalah pinjaman daripada bank dunia. Jadi itulah satu sebab mengapa kita terpaksa mengikut syarat itu, dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu

jalan-jalanraya yang lain yang kecil dan yang dibuat dengan wang kita sendiri, boleh dikatakan semua projek-projek itu adalah dibina oleh kontraktor dalam negeri kita sendiri.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Untuk menggalakkan firma jurutera pembinaan dan untuk menjimatkan foreign exchange adakah Kerajaan menetapkan dalam persetujuan dengan Bank Dunia satu syarat di mana Kerajaan Malaysia boleh memberi keistimewaan kepada firma tempatan jika tawaran mereka tidak jauh sangat bezanya dengan tawaran-tawaran daripada kontraktor luar negeri. Jika ada, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu apakah perbezaan antara tawaran firma tempatan dengan firma Korea Selatan itu?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, kalau firma-firma tempatan mempunyai qualification atau kelulusan untuk mendapatkan tender ini kita memang selalu memberi keutamaan kepada kontraktor-kontraktor tempatan. Seperti yang saya katakan di sini satu daripada kontrak untuk membina expressway ini telahpun kita berikan untuk joint venture di antara orang tempatan dan firma dari Korea. Jadi memang selalu kita memberi keutamaan kepada firma tempatan apabila sahaja kita dapat peluang.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah itu dasar Kerajaan bahawa semua projek-projek pembinaan besar seperti membina expressway Seremban-Kuala Lumpur memberi special preference kepada firma-firma tempatan, jikalau tawaran antara firma-firma tempatan dengan firma-firma luar negeri tidak jauh bezanya. Jikalau ada, mengapa dasar itu tidak dijalankan dalam perkara ini?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sudah saya jawab tadi. Kita memang memberikan keutamaan kepada firma-firma tempatan, tetapi di samping itu kita juga mesti menepati syarat-syarat yang dikenakan oleh Bank Dunia atau Asian Development Bank, kalau tidak mereka itu tidak beri pinjaman kepada kita. Jadi memanglah kita memberikan keutamaan kepada firma tempatan kalau

firma tempatan itu ada kelayakan, tetapi kalau tidak ada kelayakan apatah lagi kalau tendernya terlampau tinggi bagaimana kita hendak berikan kepadanya. Kalau kita beri pun kepada firma tempatan World Bank tidak beri pinjaman.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri berkata bahawa ada tiga firma Malaysia yang memberi tawaran dan mereka semua ada kelayakan? Jika mereka ada kelayakan mengapa mereka tidak diberi.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kita hendak beri, kalau tender mereka itu terlampau tinggi.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bahawa tawaran ini telah diberikan kepada firma Korea Selatan, adakah benar bahawa dengan sebab pemberian itu kepada kontraktor Korea Selatan itu ialah Kerajaan mengambil hati firma Korea Selatan ini sebab membatalkan tawarannya dalam kontrak Empangan di Temenggor, Perak, adakah benar?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa faham soalan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Cuba sekali lagi.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dengan sebab kita berikan kontrak ini kepada firma Korea Selatan, adakah benar bahawa Kerajaan hendak mengambil hati firma Korea Selatan dengan sebab Kerajaan telah membatalkan satu kontrak di Temenggor, Perak kepada Korea Selatan diberikan kepada sebuah Kerajaan lain?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Saya tidak berapa faham soalan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun tidak faham. Cuba sekali lagi.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dengan sebab diberikan kontrak ini kepada firma Korea Selatan, adakah benar bahawa Kerajaan hendak mengambil

hati kontrek Korea Selatan ini yang telah kita batalkan kontreknya waktu membuat tawaran di Empangan Temenggor, Perak?

Tuan Yang di-Pertua: Itu tidak ada kena-mengena.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan. Adakah Bank Dunia memberi satu condition iaitu kontrek ini mestilah diberi kepada Korea Selatan, jikalau tidak, bantuan ini tidak diberikan?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, tidak.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat Menteri menjawab bahawa pada masa depan untuk menggalakkan firma-firma jurutera pembinaan tempatan dan menjimatkan foreign exchange bolehkah perkara semacam ini sebelum Kerajaan Malaysia menerima syarat-syarat daripada World Bank, Kerajaan Malaysia juga akan mengadakan satu syarat di mana jikalau tawaran daripada firma-firma tempatan tidak berbeza daripada tawaran-tawaran firma luar negeri Kerajaan Malaysia boleh menerima tawaran-tawaran itu?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya terangkan tadi memang kita timbangkan atas perkara itu jika mereka itu ada kelayakan.

DEMAM DENGGI

3. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) samada langkah-langkah telah diambil untuk menghapuskan penyakit Demam Denggi setelah penyakit ini menyerang Kampung Baru Jinjang baru-baru ini; dan
- (b) jika ya, berikan jumlah bilangan orang-orang yang mengidap Demam Denggi, jumlah bilangan yang mendapat rawatan Demam Denggi dan jumlah bilangan yang mati di Malaysia.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini saya telah jawab di Dewan ini pada bulan Disember tahun lalu dan saya rasa soalan ini tidak payah diulangkan sekali lagi di Dewan ini.

PEMBUKAAN KAWASAN HUTAN

4. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan tujuan Kerajaan membekukan pembukaan hutan-hutan sebagaimana yang telah dinyatakan oleh seorang Pegawai Perhutanan Malaysia Barat dan samada pengambilan kayu-kayan dalam negeri ini sudah begitu teruk keadaannya.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tiada membekukan kawasan hutan bagi kawasan-kawasan tanah yang telah dipersetujui untuk rancangan pembangunan pertanian. Pembukaan kawasan hutan untuk rancangan pembangunan pertanian di masa yang akan datang hendaklah dilaksanakan dengan cara yang lebih teratur yang diasaskan kepada kesesuaian dan keupayaan kawasan tersebut untuk dimajukan bagi tujuan pertanian mengikut prinsip-prinsip penggunaan tanah yang paling baik.

Di Semenanjung Malaysia luas kawasan hutan di dalam kawasan Hutan Simpan (Forest Reserves) dan Tanah Negeri (State Land) yang telah dibalak atau rosak bagi Semenanjung Malaysia dianggarkan berjumlah 6.9 juta ekar dan baki kawasan hutan yang dijangka dapat dibalakkan di masa yang akan datang dianggarkan seluas lebih kurang 8.3 juta ekar. Pembukaan kawasan hutan untuk kerja membalak perlu diawasi dan dilaksanakan mengikut rancangan kerja hutan yang tertentu supaya pengeluaran bekalan kayu balak dapat terjamin. Langkah-langkah untuk menghidupkan semula (reforestation) perlu juga diambil dalam kawasan hutan yang telah dibalak bagi menjamin bekalan kayu cukup di masa yang akan datang.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Bolehkah Yang Berhormat Menteri ini dapat memberikan jaminan bahawa kayu-kayan dalam negeri ini boleh mencukupi kegunaan seluruh rakyat jelata di dalam negeri ini?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, bagi masa yang saya dapat ramalkan, saya tidak dapat meramalkan lebih jauh dalam lima enam tahun samada boleh cukup dan ini bergantunglah bagaimana berjayanya kita mengaturkan forest management plan kita dan adakah

kita hendak memperoses lebih banyak kayu atau kita akan menghadkan banyak prosesan kayu kita mengikut berapa banyak bekalan balak kita. Ini soal fact. Sungguhpun saya sendiri ada dasar sekarang ini, tetapi pada masa akan datang boleh jadi kalau dasar ini ditukar tidaklah dapat saya jaminkan, tetapi kalau mengikut dasar sekarang ini, saya fikir, bekalan kayu adalah mencukupi.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kadar recovery kehutan kita sangat rendah iaitu 55%, adakah rancangan pihak Kerajaan meninggikan recovery rate itu untuk menjamin bahawa kehutan kita di masa hadapan cukup, dan berapa peratuskah target Kerajaan?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Ada di dalam rancangan, Tuan Yang di-Pertua, tetapi peratus belum dapat kita letakkan sekarang ini kerana ini adalah soalan yang kompleks yang akan berbangkit hasil daripada better forest management facilities, better cutting facilities, better transportation and port facilities dan yang lebih kompleks ialah the range of diversified products you can initiate inside the country ataupun kebolehan kita memperbagai jenis-jenis barang prosesan daripada kayu yang kita dapat jalankan dalam negeri ini dan seperti Ahli Yang Berhormat lebih tahu soal memperbagaikan perusahaan-perusahaan ini adalah bergantung daripada response dari pihak-pihak penanam modal.

Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh: Soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama menyatakan bahawa kayu dalam negara kita ini adalah cukup. Adakah pihak Kementerian ini sedar bahawa di masa akhir ini kayu cukup, tetapi harga kayu makin tinggi di mana menyebabkan susah bagi orang-orang yang susah untuk mendirikan rumah mereka di kawasan-kawasan luarbandar.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Soalan kenaikan harga kayu pada tahun 1973 bukanlah berkaitan dengan soal cukup atau tidak bekalan kayu untuk negara Malaysia. Soal harga ini adalah gambaran daripada kayu yang banyak dijual di seluruh dunia.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Tidak berapa lama dahulu di dalam Dewan

ini Yang Berhormat Menteri ada mengatakan jika hutan-hutan yang sudah dipotong dan kayu balak sudah dikeluarkan, hutan-hutan ini akan ditanam dengan berjenis-jenis pokok kayu yang baik. Saya hendak tahu sekarang sehingga akhir tahun 1973 yang lalu berapa tempat dan berapa luas hutan yang sudah dibuka itu ditanam dengan pokok-pokok jenis yang baik?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Angka yang tepat hanya akan didapati selepas ada notis.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama sedar bahawa pengambilan kayu-kayan dalam hutan di negeri ini tidak mendatangkan keuntungan yang banyak, sebab sekarang ini kebanyakan kayu-kayu diambil ialah kayu-kayu yang boleh dibuat balak (log), sedangkan kayu-kayu kecil yang berukuran 3 inci, 4 inci sekarang dibakar begitu sahaja. Apakah rancangan ataupun usaha yang dibuat supaya kayu-kayu ini tidak rugi begitu sahaja sebab ini adalah wang negara kita.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Ini menurut kepada kawasan. Jikalau kawasan itu untuk diluaskan sebagai rancangan pertanian, maka semua kayu itu dipotong dan mana-mana yang dapat digunakan untuk diproses akan diproses dan mana yang tidak dapat, kadang-kadang ada, terpaksa di-bakar. Di dalam kawasan hutan simpan atau hutan kekal, maka kita memang sengaja tidak menyuruh orang memotong batang kayu yang kecil, kerana inilah cara kita hendak menyuruh kayu kecil itu tumbuh jadi kayu besar supaya dalam satu masa kelak hutan kita dapat dipotong mengikut giliran kira-kira 50 atau 70 tahun mengikut keadaan. Walaupun demikian, saya mengakui bahawa ada jenis kayu yang tidak dapat kita proses. Ini bergantung kepada corak dan bentuk perusahaan dalam negeri kita ini. Usaha-usaha telahpun dibuat untuk menarik pihak-pihak yang ada expertise dan modal untuk memperbagaikan perusahaan-perusahaan kayu-kayan kita supaya sampai potong-potong kayu kecilpun dapat digunakan untuk diproses. Perkara ini memakan masa sebagaimana yang saya sebutkan tadi dan sebelum kita dapat menjalankan soal industrial diversification ini, maka adalah

kayu kita kurang sedikit. Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan dalam dua tahun yang lepas saya sendiri sangat senang hati melihat lebih banyak kayu yang kurang dikenali (lesser known species) telahpun digunakan dalam negara Malaysia ini.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Apakah usaha yang dibuat oleh Menteri Perusahaan Utama dalam hal ini bersabit dengan pembukaan tanah yang begitu memuncak sekarang seperti FELDA, FELCRA, Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri membuka tanah secara besar-besaran, di mana sekarang ini kayu-kayu itu tidak digunakan dan dibakar. Rancangan pembukaan tanah ini secara bersungguh-sungguh dijalankan, kalau ditunggu lebih lama bererti wang kita semakin hari semakin habis kerana kayu ini berharga, kalau berpuluh-puluh ribu ekar harganya berjuta-juta. Oleh itu koodinasi antara pihak Kementerian Perusahaan Utama dan Perbadanan-perbadanan yang membuka tanah itu perlu diadakan. Adakah koodinasi ini telah dijalankan dan dilaksanakan oleh Kementerian yang berkenaan?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Koodinasi memang ada, tetapi ada kalanya bila pasaran kayu tidak begitu kuat susah hendak menjual ada juga kayu terpaksa terbuang, kerana kita ada program hendak menjalankan rancangan tanah kita dengan secepat-cepatnya dan program memotong kayu itu terpaksa mengikut program pembukaan tanah.

Tuan Ng Hoe Hun: Kita semua tahu kayu cengai ialah satu kayu yang berat, baik kuat dan keras yang boleh mendapat banyak wang kalau kita jual. Saya ada berunding dengan pegawai-pegawai dan kakitangan Pejabat Hutan dan mereka beritahu saya Malaysia tidak ada satu rancangan menanam pokok-pokok cengai di hutan-hutan yang telah dibuka. Di dalam Dewan ini Yang Berhormat Menteri ada berkata bahawa kita ada satu rancangan menanam kayu cengai batu dalam negeri kita. Sekarang saya hendak tahu siapa betul, pegawai-pegawai dan kakitangan hutan atau Yang Berhormat Menteri?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Soal siapa betul, Tuan Yang di-Pertua, soalnya faham atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan soalan. Saya tidak terima soalan seperti itu.

Tuan Ng Hoe Hun: Berkenaan dengan soalan tadi. Bolehkah Yang Berhormat Menteri beritahu adakah atau tidak satu rancangan menanam kayu cengai batu di dalam hutan-hutan yang sudah dibuka.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Soal menanam kayu ini adalah soal yang mesti ditimbang dengan sehalus-halusnya. Kita mesti tahu apa jenis kayu yang paling tinggi harganya dan apa kayu yang paling baik tumbuh di dalam satu-satu kawasan. Pada masa sekarang cengai bukan satu jenis kayu yang sebaik-baik seperti meranti misalnya.

Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh: Soalan tambahan. Mengikut dasar Kerajaan kita ialah berusaha untuk memberi kesenangan kepada rakyat. Menteri Perusahaan Utama menyatakan sebab harga kayu ini tinggi kerana terlalu banyak kita mengeksport kayu ini keluar negeri. Untuk menjaga harga kayu ini supaya jangan tinggi tidakkah Kementerian ini dapat mengadakan satu cara untuk menyekat ataupun menhad eksport kayu-kayu ini keluar negeri muga-muga harga itu turun ke paras lama bagi kegunaan tempatan.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Saya fikir banyak orang suka, saya mencari jalan meninggikan harga untuk hasil kayu kita seperti orang suka kita berusaha meninggikan harga getah. Jadi dalam pasaran dunia kita rasa falsafah kita hendak mendapatkan harga yang paling baik, bukan hendak mengawalinya supaya jatuh.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri iaitu adakah Kerajaan akan menimbangkan ataupun mengkaji semula berkenaan dengan concession hutan yang ada sekarang samada di Semenanjung Malaysia atau di Sabah dan Sarawak yang telah diberi oleh penjajah dahulu kepada mereka samada orang putih atau lain-lain di negeri ini atau luar negeri kerana negara kita berkehendakkan kebaikan untuk kesemuanya dikaji semula supaya pembahagian-pembahagian itu tidaklah begitu terang dan nyata kepada orang-orang yang senang dan mendapat kesenangan lagi.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Sebenarnya soal memberi concession ialah kuasa Kerajaan Negeri tetapi walau bagaimanapun saya faham kesemua Kerajaan Negeri kita mempunyai tanggungjawab dan tidak akan menarik concession tanpa sebab yang baik dan yang cukup legal.

MAKTAB DI GENTING HIGHLANDS

5. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Pelajaran menyatakan samada benar bahawa sebuah maktab sedang didirikan di Genting Highlands, Selangor dan siapakah orang-orang yang bertanggungjawab terhadap penubuhan maktab tersebut dan apakah konsep dan kedudukan sebenar maktab itu dan adakah maktab tersebut akan menepati Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, jawabnya benar. Pihak yang bertanggungjawab menubuhkan maktab tersebut ialah Persatuan Untuk Kemajuan Pelajaran Tinggi di Malaysia (Association for the Promotion of Higher Education in Malaysia). Penubuhan maktab tersebut adalah bertujuan untuk menambah kemudahan-kemudahan pelajaran di peringkat pra-universiti dan menurut surat aturcara yang akan dikeluarkan, jenis matapelajaran yang akan diadakan ialah dalam General Arts dan Science untuk membolehkan penuntut-penuntutnya menduduki peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran. Lain-lain kursus jika hendak dijalankan mestilah terlebih dahulu mendapat kelulusan Menteri Pelajaran.

Maktab Genting Highlands yang dirancangkan itu adalah maktab bersendirian (private institution) dan didaftarkan bawah Akta Pelajaran tahun 1961. Segala perbelanjaan serta pembiayaan penubuhannya dan pentadbiran maktab tersebut adalah tanggungan Persatuan itu. Maktab tersebut akan menepati Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa maktab di Genting Highlands ini boleh dikatakan maktab yang diduduki oleh pelajar-pelajar yang berada sahaja (yang mewah), sebab bayarannya mahal. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menimbangkan supaya orang-orang yang

kurang berada, khasnya daripada pelajar bumiputra supaya dapat turut sama di maktab itu supaya perseimbangan pelajar itu ada di sana.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini belum ada penuntut-penuntut kerana bangunannya pun belum siap lagi, tetapi ini memang ada dalam rancangan Kementerian Pelajaran untuk mengadakan penuntut-penuntut dari kalangan bumiputra juga belajar di maktab ini.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kelulusan dari maktab itu akan diakui oleh Kerajaan Malaysia?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, tidak. Tetapi penuntut-penuntut yang akan belajar di sini akan memasuki peperiksaan Kerajaan Malaysia.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana di masa sekarang banyak kekurangan tempat-tempat post secondary untuk anak-anak kita, pelajar-pelajar di negara kita, adakah itu dasar Kerajaan untuk menggalakkan pihak swasta membina lebih banyak maktab untuk memberi pelajaran kepada pelajar-pelajar di Malaysia berpeluang belajar dan memasuki peperiksaan HSC?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, itu soal lain.

RASCOM—JUMLAH WANG DIBELANJAKAN

6. Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah wang yang telah dibelanjakan di kawasan RASCOM di Sarawak sejak dimulakan.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, \$18,761,306.57.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam gerakan ini saya ingin bertanya kepada Menteri yang berkenaan mana lebih kerkesan hasil gerakan menghapuskan pengganas kominis di

antara Semenanjung Malaysia dengan gerakan yang kita buat di Sarawak?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Itu soalan lain.

MAS—TANGGAGAJI KAKITANGAN

7. Tuan Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau akan mengkaji semula ke tanggagaji dan pangkat bagi pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan MAS kerana ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa sebilangan besar daripada kakitangan-kakitangan MAS berasa tidak puas hati.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, Syarikat Penerbangan MAS ialah sebuah Syarikat yang didaftarkan di bawah Akta syarikat, 1965 dan bukanlah sebuah Jabatan Kerajaan ataupun Badan Berkanun. Oleh yang demikian tanggagaji dan pangkat bagi pegawai-pegawai dan kakitangan MAS adalah semata-mata tanggungjawab Syarikat itu sendiri. Saya diberitahu bahawa tanggagaji dan pangkat bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Syarikat itu sedang dalam kajian mereka. Di dalam beberapa bulan lagi keputusan kajian tersebut akan dapat disiapkan.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar ada go-slow dalam MAS. Kalau sedar, mengapa?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Ini soal naik pangkat. Soal go-slow apa kenamengena dengan soalan ini.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini ada menyebutkan dissatisfaction. Adakah kakitangan MAS tidak puas hati di dalam MAS, bolehkah beritahu? Kalau ada tidak puas hati, dan mereka tidak mengambil tindakan go-slow, ini sudah menjadi satu hal, mengapa go-slow. Kita ada dengar dalam suratkhbar bahawa kapalterbang sampai dan berlepas di Subang International Airport kita

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, apa pertanyaannya?

Tuan V. David: Soalan ini mengenai dissatisfaction dalam MAS, bolehkah diberi keterangan?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya telah katakan bahawa itu soalan lain, dan dia suka hendak membangkitkan salah faham dalam MAS. Dia ada union di sana dan ada ketua unionnya, tidak usahlah kacau mereka. Kalau ada apa-apa, dia berhubung dengan Syarikat MAS. Saya tahu Yang Berhormat itu dia ketua union, tetapi beliau sebagai Wakil Dato Kramat di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya setuju itu soalan lain.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak ada apa-apa hal dalam MAS bolehkah beritahu ada dissatisfaction di dalam Sabah Air? Ada sebuah badan sekarang yang bergelar Sabah Air, bolehkah diberitahu?

Tuan Yang di-Pertua: Itu lagi soalan lain.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Saya hendak bertanya tentang tidak puas hati di dalam bahagian terafik bahawa satu kaum sahaja yang control traffic, yang bekerja banyak dalam lapangan terafik. Bumiputra tidak berpuas hati langsung dalam bahagian terafik ini, betul atau tidak?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Itu soalan lain. Kalau ada

Tuan Yang di-Pertua: Cakap soalan lain, sudahlah. (*Ketawa*).

GAJI MINIMA PEKERJA

8. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan memandangkan kenaikan sara hidup dan harga barang-barang samada beliau akan membentangkan satu Rang Undang-undang bagi menjamin gaji minima bagi semua pekerja.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, seperti yang pernah saya katakan dalam Dewan ini, saya tidak berniat mengadakan pada masa ini apa-apa perundangan untuk menentukan Gaji Minima bagi semua pekerja dalam negeri ini.

Tuan Loh Jee Mee: Tuan Yang di-Pertua, bukannya mustahak bagi Kerajaan untuk melaksanakan dasar ini kerana bayaran Elaun Khas yang diberikan sekarang tidak mencukupi dan tidak meliputi semua pekerja-pekerja?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, atas perkara ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri sudah pun memberitahu dalam Dewan ini dan saya sendiri pun sudah memberi keterangan dan saya tidaklah suka hendak memanjangkan lagi.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini ada juga beberapa kali dibawa di dalam Dewan ini, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan di dalam Dewan ini iaitu di masa akan datang boleh dilantik suatu Royal Commission menyiasat gaji minima oleh kerana ini adalah satu perkara, bukan sahaja dalam Dewan ini kita minta, bahkan semua kesatuan di seluruh tanahair kita ada meminta satu skim gaji yang tetap; bolehkah Yang Berhormat Menteri itu melantik satu Royal Commission pada masa akan datang?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli Yang Berhormat sendiri maklum beberapa kali sudah dijawab iaitu tidak ada penukaran pada masa sekarang.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, ini berkaitan dengan gaji rendah. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini selepas lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Johor Bahru, beliau mengadakan satu siasatan mengenai gaji yang rendah di kawasan-kawasan perindustrian di Johor Bahru dan lain-lain tempat dan adakah satu kajian dijalankan dan apakah hasilnya?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, selepas lawatan Yang Amat Berhormat kita ada dapat maklumat kilang-kilang membayar gaji yang rendah dan kita ada memberi nasihat untuk memberi gaji yang berpatutan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah diberi nasihat kepada kilang-kilang bahawa mereka mesti meninggikan gaji yang

rendah; apa tindakan lain yang akan diambil jikalau industri-industri begitu tidak akan menerima nasihat?

Tuan Yang di-Pertua: Itu belum tahu lagi.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat Menteri ada memberi nasihat kepada kilang-kilang yang memberi gaji yang rendah, adakah ini boleh dikatakan bahawa Yang Berhormat Menteri mengaku kilang-kilang di Johor membayar gaji rendah.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, kita sedar ada juga kilang-kilang yang memberi gaji yang rendah, gaji yang tidak cukup, tetapi kita mesti fikirkan pada masa sekarang kita ada pengangguran yang banyak dan kita hendak create kerja untuk mereka yang mencari pekerjaan pada masa sekarang. Jadi, belumlah sampai masanya kita mengadakan satu gaji yang minima kepada seluruh pekerja-pekerja, tetapi ada juga pada masa sekarang beberapa pekerja yang dapat umpamanya pekerja-pekerja kedai, cinema workers dan lain-lain yang di bawah Wages Council.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri ada mengatakan bahawa Kerajaan Malaysia belum ada satu rancangan lagi bagi gaji minima untuk semua pekerja-pekerja. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini apakah sebabnya tidak ada?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya baharu beritahu tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Kerajaan atau Kementerian Buruh telah memberi nasihat kepada kilang-kilang di mana gaji pekerja-pekerja mereka sangat rendah seperti Mercury Textile Industry di Melaka, di mana saya menerima sepucuk surat daripada Yang Berhormat Menteri dan saya hendak tahu apakah tindakan Kerajaan akan ambil jikalau nasihat itu tidak diterima?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, banyak majikan apabila kita memberi nasihat mereka ada menerima dan ada memberi gaji yang lebih sedikit. Jadi, belum ada majikan-majikan yang tidak menerima. Jadi, kita memikirkan keuntungannya, kalau tidak ada keuntungan

yang banyak, jadi kalau kita paksa mereka memberi gaji yang lebih, mereka tutup langsung kilangnya, kerja pun tidak dapat.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini samada majikan Mercury Textile Industry di Melaka menerima nasihat Kerajaan?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, kita sudah memberi nasihat dan kita menunggu jawapannya dengan seberapa segera.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, ada sektor-sektor dalam negara kita membayar gaji pekerja-pekerjanya sangat rendah dan sungguhpun Kerajaan tidak mahu mengadakan satu undang-undang gaji minima, bolehkah Kerajaan menimbangakan meluaskan atau extend the Wages Council kepada sektor-sektor semacam pekerja-pekerja di electronic sector oleh kerana gajinya sangat rendah.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, perkara itu adalah di dalam timbangan Kerajaan, tetapi pada masa sekarang pekerja-pekerja umpamanya textile industry dan lain-lain sudah pun menubuhkan kesatuan-kesatuan dan kita ada menolong pekerja-pekerja menubuhkan kesatuan di mana mereka ada collective bargaining.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, kilang-kilang electronic tidak boleh mengadakan kesatuan oleh sebab pioneer status dan lain-lain undang-undang; bolehkah Kerajaan appoint satu Wages Council di kilang-kilang electronic di seluruh tanahair kita?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir pada masa sekarang tak payah, sebab saya sedar ada juga faktori-faktori yang membayar gaji yang berpatutan. Saya sendiri ada melawat eletronik factory, esok juga saya akan melawat sebuah faktori. Jadi, ada juga faktori-faktori ini dapat gaji yang berpatutan dan ada yang kurang, jadi kita ada timbangkan. Kalau perlu kita adakan satu Wages Council, samada kita patut adakah akan ditimbangkan.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, tahun lepas Yang Berhormat Menteri dalam

jawapannya ada berjanji akan menimbangakan, menyiasat mahu mengadakan satu Wages Council di electronic factory Pulau Pinang, adakah ini diambil tindakan dan adakah perkara itu sudah selesai.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, tahun yang dahulu dengan masa sekarang sudah berlainan; gaji di sana sudah naik banyak.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu berapa peratuskan gaji pekerja electronic factory itu dinaikkan?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, di Bayan Lepas sekarang tidak dapat pekerja yang hendak bekerja sebab gaji sudah lebih. Sebuah faktori menarik pekerja-pekerja daripada sebuah faktori yang lain.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya berapa peratuskah gaji telah dinaikkan dalam tahun baharu ini?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan ini pada bulan November Yang Berhormat Menteri ada menjawab satu soalan saya bahawa Kerajaan akan menimbang meninggikan gaji minima untuk pekerja-pekerja yang di bawah Wages Council Orders. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini, selepas penimbangan adakah Kerajaan bercadang meninggikan kadar bayaran untuk semua pekerja-pekerja di bawah Wages Council?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, perkara itu di dalam timbangan pada masa sekarang. Saya sudah memberi arahan kepada semua Majlis ini menimbangakan supaya mengikut special relief allowance ini dan lain-lain. Kedua-dua pihak ada berunding dalam Majlis itu.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bilakah keputusannya itu boleh disampaikan oleh kerana cost of living sudah sangat tinggi dan akan berpanjangan?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, Council itu bebas. Ada juga

wakil-wakil daripada pekerja-pekerja, independent members dan majikan. Saya sudah memberi arahan kepada Setiausaha, panggil mesyuarat dengan seberapa segera dan saya tahu beliau pun sudah memanggil mesyuarat, tetapi keputusannya terpulanglah kepada Majlis itu.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan kalau ada permohonan daripada pekerja-pekerja electronic factory hendak menubuhkan kesatuan Kerajaan akan daftarkan kesatuan itu?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh timbangkan.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan. Sebagaimana yang kita semua sedia maklum keadaan di negeri pada masa sekarang adakah apa-apa rancangan oleh Kementerian beliau untuk mengadakan satu lapuran di atas tiap-tiap majikan swasta dan kilang-kilang supaya pekerja-pekerja di seluruh negeri kita dapat gaji yang berpatutan pada masa ini.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, kita dapat juga lapuran dari semasa ke semasa daripada tiap-tiap tempat pekerjaan.

BUKU TEKS DALAM BAHASA MALAYSIA

9. Tuan Loh Jee Mee (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (i) bilakah semua buku teks dalam Bahasa Malaysia akan dikeluarkan dalam sistem ejaan baru; dan
- (ii) samada beliau sedar bahawa sistem ejaan baru yang digunakan dalam buku-buku teks sekarang adalah sangat berbeza-beza jika ya, apakah tindakan Kementerian beliau telah ambil untuk memperbaiki keadaan seperti ini supaya ejaan baru yang benar digunakan.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Seperti yang diumumkan oleh bekas Menteri Pelajaran di hari pengistiharan sistem ejaan baru di Dewan Bahasa

dan Pustaka pada 16hb Ogos, 1972 dahulu, masa peralihan menggunakan ejaan baru ini ialah 5 tahun dari tarikh pengistiharannya.

(ii) Tidak sedar.

Sebaliknya Kementerian Pelajaran mendapati bahawa ejaan baru yang digunakan dalam buku-buku teks sekarang adalah menepati sistem ejaan baru itu.

Tuan Loh Jee Mee: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri Pelajaran siasat jikalau saya memberi bukti dan ambil tindakan supaya anak-anak kita jangan dikelirukan dengan sistem ejaan baru ini?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Saya kurang faham soalan itu.

Tuan Loh Jee Mee: Bolehkah Yang Berhormat Menteri siasat perkara nombor (ii) jikalau saya memberi bukti dan ambil tindakan supaya anak-anak kita jangan dikelirukan dengan sistem ejaan baru ini?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Saya akan siasat, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Loh Jee Mee: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri Pelajaran memberi semua penerbit-penerbit buku-buku teks satu guide line sistem ejaan baru, misalnya menukar ejaan-ejaan lama kepada baru.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Itu sudah ada, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Pelajaran sedar bahawa siaran talivisyen selalu mengelirukan kanak-kanak tentang cara mengeja yang dituliskan di dalam talivisyen. Mengikut nahu Melayu nama sungai, nama negeri, nama orang hendaklah ditulis dengan huruf besar, tetapi radio dan talivisyen menulis segalanya itu dengan huruf kecil, jadi mengelirukan kanak-kanak. Adakah sedar perbuatan itu dibiarkan di sepanjang masa?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Itu soalan lain, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sungguhpun Kerajaan ada memberi satu tempoh lima tahun untuk menjalankan ejaan baru, tetapi semua sekolah-sekolah mahu murid-murid mereka mengadakan buku-buku teks dengan ejaan baru dan sebab itu ada mengakibatkan satu keadaan sekarang di mana sungguhpun sekolah tahun ini sudah bermula ramai murid-murid tak boleh dapat buku-buku teks oleh kerana pekedai-pekedai mengatakan pencetak-pencetak belum hantar atau menyediakan buku-buku dalam ejaan baru dan itu satu perkara yang sangat besar dan saya rasa Yang Berhormat Menteri pun sudah tahu. Apakah tindakan Yang Berhormat Menteri akan mengambil untuk mengatasi soalan ini untuk menjamin bahawa murid-murid kita di sekolah tidak membuang masa menunggu buku-buku teks?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, kelewatan buku-buku teks ini bukan disebabkan ejaan baru.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah betul bahawa pihak Universiti Malaya masih tidak menggunakan sistem ejaan baru, mereka menggunakan sistem ejaan lama yang diciptanya sendiri. Adakah Kementerian ini sedar dan adakah betul perkara ini?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tidak betul, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri menjawab bahawa kelewatan buku-buku teks bukan disebabkan oleh ejaan baru dan jikalau begitu, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini, apakah sebab-musabab yang sebenar atas kelewatan buku-buku teks?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Itu soalan lain, Tuan Yang di-Pertua.

REFORMASI TANAH

10. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri dengan Tugas-tugas Khas menyatakan samada Kementerian beliau bercadang menjalankan reformasi-reformasi tanah yang radikal di

Kedah supaya setiap pesawah akan memiliki seluas lahan hingga sepuluh ekar tanah sawah yang dikerjakannya.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah (Tuan Mohamed bin Ujang): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kerajaan belum bercadang lagi. Sekarang ini ada lebih kurang 80,000 pesawah di Kedah dan jika tiap-tiap seorang pesawah itu hendak diberi sekurang-kurangnya lahan ekar sebagaimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, maka bermakna Kerajaan terpaksa menyediakan kira-kira seluas 640,000 ekar tanah sawah dan luas kawasan tanah sawah di Kedah hanya lebih kurang 320,000 ekar sahaja. Maka dengan ini nyatalah bahawa cadangan Ahli Yang Berhormat itu tidak menasabah dan tidak dapat dipraktikkan.

Berdasarkan kajian yang telah dibuat oleh MADA serta Universiti Sains di suatu kawasan Muda adalah didapati 75% daripada tuan-tuan tanah sawah di kawasan itu tidak bersedia menjual tanah mereka. Ini merupakan masalah yang bukan kecil. Masalah reformasi terhadap pemilikan tanah sawah amatlah rumit, kajian bukan sahaja ditumpukan kepada jumlah pemilikan, tetapi yang mustahaknya di samping itu ialah soal-soal kemasyarakatan dan pendapatan mereka. Hal ini akan melibatkan banyak kaitan dan memerlukan masa yang agak panjang.

Walau bagaimanapun, untuk menambahkan pendapatan petani-petani Kerajaan telah mengambil dan akan mengambil langkah-langkah yang sesuai dengan keadaan yang terdapat seperti mengadakan rancangan Muda di Kedah dan Perlis, Kemubu di Kelantan dan lain-lain lagi bagi membolehkan petani-petani menanam dua kali setahun. Selain dari itu kemudahan-kemudahan kredit juga seperti baja, benih-benih yang baik yang dapat memberi pendapatan yang lebih baik dan juga pasarannya telahpun diadakan. Kerajaan juga telah menubuhkan Lembaga dan Persatuan-persatuan Peladang untuk memperbaiki kehidupan petani dan bagi petani-petani yang menyewa tanah dan yang kurang tanah Kerajaan sedang mengkaji langkah-langkah untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak lama dahulu bahawa jikalau setiap orang petani, pesawah akan dapat kehidupan yang sempurna setiap petani mesti memiliki sekurang-kurangnya 6 ekar hingga 8 ekar dan adakah Kementerian yang berkenaan bertujuan untuk mencapai matlamat itu yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Mohamed bin Ujang: Tuan Yang di-Pertua, memanglah tujuan kita begitu tetapi seperti yang saya katakan tadi perkara ini susah hendak dipraktikan oleh kerana masalah-masalah yang saya sebutkan tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa oleh sebab perkara itu susah dan praktikel sebab itu kita mahu sebuah Kerajaan untuk mengatasinya, bukan boleh cakap susah praktikel dan tak ada resolution.

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalnya?

Tuan Lim Kit Siang: Soalnya ialah adakah Kerajaan sedar bahawa Kementerian sungguhpun perkara itu susah dan rumit, Kementerian mencari satu resolution untuk mengatasinya oleh kerana petani-petani sangat susah.

Tuan Mohamed bin Ujang: Saya katakan tadi kita sedang mencari jalan sekarang.

Datuk Engku Muhsein bin Engku Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya faham dengan betul-betul jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen baru sekejap bahawa Kerajaan tak dapat hendak memberi tanah 8 ekar bagi tiap-tiap petani oleh kerana kekurangan tanah. Jikalau begitu, adakah Kerajaan akan mengambil tindakan untuk mengambil balik mana-mana tanah yang dikatakan dimiliki oleh seseorang 100 ekar atau 200 ekar diambil balik dibenarkan seseorang itu punya, katakan 50 ekar sahaja, kalau ada 200 ekar, 150 ekar itu diberikan kepada petani-petani untuk mencari jalan menyelesaikan masalah ini.

Tuan Mohamed bin Ujang: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir soalan ini adalah soal reformasi tanah dan berkehendakkan maksima atau minima tanah, tetapi soal ini kita belum timbangkan lagi.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian ini sedar bahawa di atas jawapannya tadi saya mahu meminta jaminan daripada Menteri yang berkenaan adakah di atas jawapan ini Kerajaan berpuashati atas kedudukan petani ini yang sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru? Itu saya hendak tahu.

Tuan Mohamed bin Ujang: Saya fikir itu soalan lain.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, kalau beliau kata puashati, maka dapatkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ini memberi jaminan pada satu keluarga petani itu adakah dia boleh dapat satu bulan hingga \$400 dengan keadaan yang ada di Kedah dan Perlis sekarang ini?

Tuan Mohamed bin Ujang: Tuan Yang di-Pertua, soal hendak beri tanah ini kalau tanah sawahnya ada, kalau tanah sawahnya tak ada macam mana hendak diberi.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Kalau tidak dapat dengan keadaan itu, adakah Kerajaan membuat satu rancangan supaya manusia-manusia ini kita pindahkan kepada satu sekim yang lain untuk membaiki taraf hidup penanam-penanam padi kita?

Tuan Mohamed bin Ujang: Memang ada rancangan itu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Azahari bin Mohd. Taib: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian kepada pihak Kementerian yang berkenaan tentang asal soalan ini iaitu samada Kementerian beliau bercadang menjalankan reformasi-reformasi tanah yang redikel di Kedah. Dalam jawapan bagi pihak Menteri yang berkenaan hanya menerangkan kesulitan kalau hendak dijalankan reformasi. Sekarang saya minta menjawab dengan tegas tentang soalan asal ini samada Kementerian beliau bercadang menjalankan reformasi-reformasi tanah. Itu

soalannya. Tadi dalam keterangan itu umum menerangkan susah hendak jalankan.

Tuan Mohamed bin Ujang: Kalau Ahli Yang Berhormat itu baca jawapan yang mula tadi, terang sahaja. Setakat ini Kerajaan belum lagi bercadang. Sudah terang.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Oleh kerana Kerajaan pada hari ini hendak meninggikan taraf hidup orang kampung terutama sekali pesawah-pesawah maka pesawah-pesawah samada di Kedah atau di Tanjong Karang, Selangor, pesawah-pesawah yang dikatakan pesawah boleh dikatakan setengah daripada mereka itu adalah menyewa tanah. Jadi dengan sebab itu tidakkah reformasi tanah ini difikirkan oleh Menteri yang bertanggungjawab adalah perlu dijalankan dengan seberapa segeranya.

Tuan Mohamed bin Ujang: Tuan Yang di-Pertua, soalan dihadapan kita ini soal tanah di Kedah, bukan di Tanjong Karang.

Datuk Engku Muhsein bin Engku Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini ialah reformasi tanah yang saya percaya Kerajaan bertujuan sebenarnya hendak memberi satu jaminan hidup yang baik kepada petani-petani yang miskin. Tetapi adakan pihak Kementerian yang berkenaan sedar dengan adanya Rancangan Muda ataupun Rancangan Kemubu dan lain-lain, sebahagian besar daripada tanah itu bukan dipunyai oleh petani-petani, dipunyai oleh kapitalis-kapitalis ataupun dipunyai oleh beberapa orang yang tertentu. Dengan sebab itu rancangan ini ada kemungkinan boleh mengkayakan lagi golongan-golongan yang telah kaya tetapi tidak memberi faedah kepada golongan-golongan petani-petani yang betul-betul miskin.

Tuan Mohamed bin Ujang: Perkara itu akan disiasat, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Dalam ucapan Setiausaha Parlimen tadi dia kata di Negeri Kedah tidak ada sawah bagi orang menanam padi dan saya boleh bawa bukti menunjukkan ada banyak lagi sawah di Kedah boleh diberi kepada petani-petani 8 ekar. Jikalau saya boleh bawa bukti itu dan dia pun tahu ada tanah di Negeri Kedah, apa tindakan Kementerian hendak ambil?

Tuan Mohamed bin Ujang: Tuan Yang di-Pertua, tidak berapa terang apa soalnya itu.

Tuan Ng Hoe Hun: Setiausaha Parlimen mengatakan di Negeri Kedah tidak ada cukup tanah lagi. Kita bukan jual ubat di sini. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Katanya tadi tidak ada tanah bagi petani menanam padi dan saya boleh bawa bukti menunjukkan di Negeri Kedah sana ada banyak lagi tanah sawah dan jika saya boleh bawa bukti ini, apa tindakan Kerajaan Malaysia hendak ambil?

Tuan Mohamed bin Ujang: Saya fikir soal itu sudah saya jawab tadi. Tetapi sekiranya Ahli Yang Berhormat itu dapat menunjukkan tanah sawah yang tidak boleh dijadikan, kita akan siasat.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa untuk menjalankan reformasi-reformasi tanah radikal bukan satu perkara yang sangat rumit oleh kerana di lain-lain negara ada menjalankan reformasi-reformasi tanah yang radikal. Soalnya ialah adakah Kerajaan resolusi untuk menjalankan reformasi tanah radikal? Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan ini adakah Kerajaan satu Jawatankuasa untuk mengkaji perkara ini, atau jika tak ada, bolehkah satu petugas khas ditubuhkan untuk mengkaji masalah ini?

Tuan Mohamed bin Ujang: Saya fikir ini tidak payah mengadakan Jawatankuasa, kerana seperti saya katakan tadi penyiasatan sedang dijalankan seperti yang saya jawab tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan Lisan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 20 adalah diberi di bawah ini).

BUKU TEKS SAINS/HISAB BAHASA MALAYSIA

11. Dr S. Seevaratnam minta Menteri Pelajaran menyatakan samada buku-buku teks Sains dan Hisab dalam Bahasa Malaysia mencukupi bagi Sekolah-sekolah

Menengah Kebangsaan, dan jika tidak, berapa banyakkah buku yang dikehendaki lagi bagi setiap matapelajaran itu di seluruh Semenanjung Malaysia.

Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Buat masa ini buku-buku teks untuk Sains dan Hisab dalam Bahasa Malaysia adalah mencukupi bagi kegunaan Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan di seluruh Semenanjung Malaysia.

REZAB MELAYU—KEBENARAN

12. Tuan Richard Ho Ung Hun minta Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan samada Kerajaan akan menimbang membenarkan orang-orang bukan Melayu menggunakan rezab Melayu di semua Negeri di Malaysia bagi tujuan-tujuan pembinaan selama enam puluh tahun sebagaimana dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Kedah.

Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Soal memberi kebenaran kepada orang-orang bukan Melayu menggunakan rezab Melayu di Negeri-negeri di Malaysia bagi tujuan-tujuan pembinaan dan sebagainya, mengikut Perlembagaan adalah di bawah kuasa dan hak satu-satu Kerajaan Negeri yang berkenaan dan perkara ini adalah terpulang kepada Negeri itu untuk menentukannya.

KERETAPI TERGELINCIR DARI LANDASAN

13. Tuan Ng Hoe Hun minta Menteri Perhubungan menyatakan sejak bulan Januari 1973 hingga sekarang berapa bilangan kejadian-kejadian keretapi tergelincir dari landasan dan sebab-sebab utama kegelinciran itu.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Saya telahpun memberikan jawapan mengenai soalan yang sama di Dewan ini pada 13-12-73 ketika menjawab soalan dari Yang Berhormat wakil Dato Kramat dan ketika memberi penjelasan-penjelasan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara di bawah Kementerian saya baru-baru ini. Sila Yang Berhormat itu merujuk kepada jawapan-jawapan tersebut.

IKAN AIR MASIN/AIR TAWAR

14. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menentukan bahawa ikan air masin dan air tawar di Malaysia tidak akan berkurangan, kerana pengeluarannya sekarang ini tersangat banyak. Apakah rancangan Kerajaan untuk menambahkan ikan tersebut.

Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Perusahaan penangkapan ikan dalam kawasan perairan di negeri ini adalah tertakluk kepada kawalan yang dijalankan dengan cara perlesenan bot dan alat penangkapan. Ikan-ikan yang ditangkap ialah bagi bekalan tempatan dan juga bagi eksport. Pada ketika ini tiada tanda-tanda yang menunjukkan sumber ikan laut berkurangan. Sebaliknya permintaan didapati bertambah dari setahun kesetahun. Kementerian saya sedang mengatur perancangan Pelan Induk bagi perusahaan ikan keseluruhannya.

Bekalan ikan air tawar semakin berkurangan, ini adalah disebabkan oleh kekotoran sungai-sungai dan terusan-terusan air yang agak menyekat ikan-ikan air tawar dari berkembang biak. Kementerian saya telah memberi perhatian berat kepada cara-cara haram yang digunakan oleh segulungan orang-orang yang tidak bertanggungjawab untuk menangkap ikan air tawar dengan menggunakan racun dan letupan. Saya telah melancarkan kempen mencegah penggunaan racun dan letupan untuk menangkap ikan di sungai-sungai, terusan-terusan air mahupun di dalam lautan. Penggunaan racun dan letupan bagi menangkap ikan itu adalah satu kesalahan di bawah Akta Perikanan, 1963 yang boleh dihukum dengan didenda tidak melebihi \$1,000 atau penjara tidak lebih dari setahun atau kedua-duanya.

Sepanjang yang diketahui mengenai perikanan laut tiada jalan bagi melebihi banyaknya ikan di dalam sesuatu perairan laut kerana kehidupan ikan dan tabi'at dan pembiakannya bergantung kepada keadaan "oceanography" perairan itu yang sukar diubah dengan cara pemeliharaan. Sumber ikan laut boleh dikekalkan supaya tidak kehabisan dengan mengawal aktiviti penangkapan ikan melalui kaedah yang menetapkan jenis dan alat kelengkapan menangkap, besar

ikan yang boleh didaratkan, menghadkan kawasan menangkap dan membenarkan hanya sekian banyak perkakas sahaja.

Bahagian Perikanan di bawah Kementerian Pertanian dan Perikanan sedang giat menjalankan progerem pembiakan benih-benih ikan yang dilepaskan di dalam sungai-sungai, tasek-tasek, bekas lombong untuk menentukan, sebanyak mana yang dapat, kawasan-kawasan ini mengeluarkan ikan. Di samping rancangan ini MARDI juga sedang menjalankan penyelidikan pembiakan dan ternakan ikan air tawar di Pusat Penyelidikan Ikan Air Tawar, Batu Berendam. Di samping penyelidikan itu kajian juga sedang dijalankan tentang padah berbagai jenis baja dan racun serangga yang digunakan di sawah-sawah padi dengan tujuan mencari campuran baja dan racun serangga yang tidak akan memusnahkan ikan dalam sawah, parit-parit dan sungai-sungai.

SEKOLAH MEMBALAK— LATIHAN BUMIPUTRA

15. Tuan Haji Shafie bin Abdullah minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan bilakah Kerajaan akan menubuhkan sekolah-sekolah bagi melatih pembalak-pembalak Bumiputra dalam perusahaan membalak di peringkat kerja luar sebagaimana yang diumumkan oleh beliau semasa Soal Jawab dalam Parlimen pada 26-1-1973.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud): Beberapa sekolah membalak telah dan akan ditubuhkan. Di Pahang sekolah tersebut telah mula mengambil penuntut-penuntutnya yang pertama dalam bulan Jun 1966. Pada masa ini terdapat seramai 30 orang penuntut sedang mengikuti kursus tersebut. Bilangan peserta-peserta kursus yang diambil ialah 30 orang bagi tiap-tiap tahun.

Proses menubuhkan sekolah membalak di Trengganu sedang diambil. Peruntukan dari Kerajaan Pusat sebanyak \$2.5 juta dan juga bantuan dari Kerajaan New Zealand telah diperolehi. Dijangka kursus yang pertama akan dapat dimulakan selewat-lewatnya pada awal tahun 1974.

Bagi sekolah-sekolah membalak di Negeri Kedah dan Perak, tindakan yang sewajarnya oleh Kerajaan Pusat untuk mendapatkan

bantuan dari Kerajaan asing sedang diambil. Ada kemungkinan Kerajaan Canada akan menyertai projek tersebut.

EKSEPOT BALAK/PETROL

16. Tuan Luhut Wan minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan mengapa eksepot balak dan petrol telah berkurangan dalam masa separuh tahun yang pertama 1973 berbanding dengan masa yang sama bagi tahun 1972.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Mengenai soalan balak ini adalah tidak benar. Jumlah eksepot kayu balak bagi keseluruhan Malaysia dalam masa separuh tahun yang pertama 1973 adalah lebih kurang 3.5 juta cubic ton jika dibandingkan dengan angka 2.9 juta cubic ton bagi tempoh yang sama dalam tahun 1972.

Mengenai eksepot petrol tidak ada kejatuhan eksepot minyak petroliam di masa setengah tahun pertama 1973 berbanding dengan tahun 1972 seperti angka-angka di bawah.

	Setengah tahun pertengahan 1972 (dalam 1,000 tan)	Setengah tahun pertengahan 1973 (dalam 1,000 tan)
Eksepot minyak mentah	1,385	1,726
Barang-barang minyak ...	1,184	1,001
Jumlah ...	2,569	2,727

Minyak mentah dari Brunei sehingga Jun tahun lalu dieksepot melalui Lutong. Kadangkala ini termasuk di dalam jumlah eksepot petroliam Sarawak dan ini di-berhentikan dalam bulan Jun tahun lalu apabila Brunei mencapai pelabuhan pengangkutannya sendiri. Ini adalah alasan mengapa separuh angka-angka eksepot dari Sarawak nampaknya mundur.

PERTANIAN/TERNAKAN— PENYERTAAN PETANI

17. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan langkah-langkah yang telah diambil setakat ini untuk menggalak penyertaan yang lebih giat lagi oleh petani-petani Sarawak untuk menambah pengeluaran mereka dan menambah usaha-usaha mereka di dalam:

- (a) perusahaan ayam-itek; dan
- (b) perusahaan ternak.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Kementerian Pertanian dan Perikanan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Kerajaan Sarawak dalam usaha memajukan pertanian dan ternakan di negeri itu.

Untuk menggalakkan penyertaan petani-petani di Sarawak di dalam pemeliharaan ayam-itek dan ternakan, Jabatan Pertanian Negeri Sarawak mengadakan rancangan-rancangan latihan dan rancangan bantuan subsidi ternakan ayam. Latihan selama enam minggu bagi petani-petani yang dipilih dari seluruh negeri itu telah dijalankan semenjak 1965 dan sehingga kini seramai 368 orang petani-petani telah mengikuti kursus-kursus itu. Tiap-tiap peserta latihan itu dibekalkan dengan anak-anak ayam apabila mereka balik ke kampungnya untuk memulakan ternakan ayam bagi pengeluaran telur ataupun bagi ayam sembelih.

Kursus latihan pemeliharaan ayam-itek itu akan dijalankan tidak berapa lama lagi di Pusat Latihan Peladang di Kubung, Limbang pula, kerana permintaan-permintaan yang telah diterima dari peladang-peladang di kawasan Bahagian Keempat dan Kelima, Sarawak.

Kerajaan Negeri Sarawak juga telah memasukkan mata pelajaran ternakan di Pusat-pusat Latihan Peladang di negeri itu. Pada amnya untuk menggalakkan petani-petani mengambil bahagian di dalam pemeliharaan binatang-binatang ternakan, kursus-kursus khas adalah juga diadakan untuk peladang di dalam pemeliharaan lembu dan pemeliharaan babi. Dalam tempoh 4 tahun dari 1969 hingga 1972 sebanyak 800 ekor lembu dan kerbau telah dibahagi-bahagikan kepada peladang-peladang berkenaan berlatih di dalam pengurusan dan pemeliharaan ternakan lembu dan kerbau. Dari tahun 1963 sehingga tahun 1972 sebanyak 162 ekor anak lembu jantan dari baka yang baik telah juga dibahagi-bahagikan kepada penternak-penternak di negeri itu dengan bayaran yang dibantu oleh Kerajaan. Penternak-penternak juga boleh mendapat bantuan benih rumput untuk ditanam supaya mengadakan padang ragut dan juga mendapat rawatan ternakan yang percuma.

Jabatan Pertanian Negeri Sarawak sentiasa bersedia untuk memberi nasihat dan lain-lain perkhidmatan perkembangan jika dikehendaki oleh penternak-penternak. Sebagai usaha untuk menambah bilangan

ternakan di Negeri Sarawak Lembaga Kemajuan Ternakan Negara akan menjayakan satu rancangan ternakan lembu dengan cara besar-besaran di Bukit Karabongan lebih kurang 20 batu dari Miri. Kerja-kerja permulaan bagi rancangan ini telahpun dibuat. Adalah diharapkan rancangan ini akan menjadi punca perkembangan ternakan di Negeri Sarawak.

PERUSAHAAN BALAK

18. Tuan Hashim bin Gera minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (i) langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memajukan perusahaan balak di kalangan Bumiputra di negara ini;
- (ii) luas hutan balak di seluruh negara yang diuruskan oleh Bumiputra dan Bukan Bumiputra;
- (iii) bilangan kilang-kilang papan dan kilang papan-lapis (plywood) yang dipunyai oleh Bumiputra dan Bukan Bumiputra di seluruh negara; dan
- (iv) bilangan permit mengeksport balak yang dikeluarkan kepada Bumiputra dan bukan Bumiputra.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud:

- (i) Kerajaan telahpun mengambil beberapa langkah untuk memajukan perusahaan balak di kalangan Bumiputra di dalam negara ini. Pengeluaran kawasan untuk bekerja balak biasanya ada diperuntukkan dan diberi keistimewaan kepada pembalak bumiputra. Penubuhan kompleks perkayuan adalah satu lagi cara yang berkesan yang akan memajukan lagi penyertaan Bumiputra dalam perusahaan membalak dan memproses kayu. Komplek perkayuan yang sudah berjalan ialah Syarikat Jenka Sdn. Bhd. dan Syarikat Ibam Sendirian Bhd. Beberapa kompleks perkayuan di Dungun (Trengganu), Kedah, Perak, Pahang dan Johor akan dibina di masa yang akan datang. Dalam bidang latihan kemahiran, sebuah sekolah membalak telahpun diadakan di Pahang. Tindakan sedang diambil untuk mengadakan satu Sekolah Membalak di Negeri Perak dan satu di Negeri Trengganu.

- (ii) Luas kawasan lesen/permit membalak kayu yang telah dikeluarkan kepada Bumiputra ialah 413,173 ekar dan kepada bukan Bumiputra ialah 435,113 ekar.
- (iii) Bilangan kilang papan yang dipunyai oleh Bumiputra ialah 62, yang dipunyai secara perkongsian 11 dan bukan Bumiputra 395. Bilangan kilang papan-lapis/veniar yang dipunyai oleh Bumiputra ialah 1, yang dipunyai secara perkongsian 3 dan bukan Bumiputra 29.
- (iv) Bilangan permit eksport kayu balak yang telah dikeluarkan kepada Bumiputra ialah 13, kepada perkongsian Bumiputra dan bukan Bumiputra ialah 1 dan kepada bukan Bumiputra ialah 1.

SEKOLAH TADIKA—KAJIAN

19. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (i) samada beliau sedar bahawa kebanyakan sekolah-sekolah tadika di Malaysia Barat mempunyai murid-murid seramai 35 atau lebih bagi setiap kelas dan ini tidak memberi faedah mengajar dan belajar, dengan baik, jika ya, adakah beliau akan mengadakan satu undang-undang untuk menghadkan ramainya murid-murid bagi setiap kelas tadika kepada 15 hingga 20 orang murid;
- (ii) samada beliau sedar bahawa hampir semua guru tadika yang berdaftar dibayar gaji yang rendah tetapi diberi kerja yang lebih dan jika ya, bolehkah beliau menimbang untuk mengadakan satu tanggagaji yang akan memberi gaji yang berpatutan dan menjamin syarat-syarat perkhidmatan yang memuaskan bagi guru-guru itu, dan jika tidak, mengapa, dan
- (iii) samada beliau sedar bahawa sebilangan sekolah-sekolah tadika menggunakan guru-guru yang tidak berdaftar yang dibayar gaji rendah yang dibebankan dengan tugas mengajar seramai lebih kurang 30-35 orang murid-murid bagi setiap kelas, jika ya, adakah beliau akan mendakwa mereka yang bertanggungjawab mengeksplotasi tenaga buruh secara ini.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:

- (i) Saya sedar, tetapi buat masa ini Kementerian saya belum lagi dapat memastikan had bilangan yang menasabah murid di sesebuah kelas sekolah tadika. Hal ini sedang dikaji.
- (ii) Saya tidak ada butir-butir mengenai tanggagaji untuk guru-guru tadika dan Kementerian saya tidak ada rancangan hendak menentukan tanggagaji yang sesuai bagi mereka kerana sekolah tadika adalah sekolah persendirian.
- (iii) Saya tidak sedar tentang adanya sebilangan sekolah-sekolah tadika menggunakan guru-guru yang tidak berdaftar. Mengikut Akta Pelajaran, semua guru-guru hendaklah berdaftar melainkan jika dikecualikan. Oleh yang demikian jika Ahli Yang Berhormat dapat memberitahu saya nama sekolah-sekolah berkenaan, saya akan menyiasatnya. Berkenaan dengan gaji rendah dan beban kerja itu, sebagaimana yang saya katakan tadi sekolah-sekolah tadika adalah sekolah-sekolah persendirian dan Kementerian saya tidak ada rancangan untuk menentukan tanggagaji dan beban yang sesuai bagi guru-guru di sekolah-sekolah tersebut.

ELAUN KHAS PEKERJA FIRMA

20. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau telah menasihatkan majikan firma-firma jangan membayar pekerja-pekerja mereka elaun khas lebih daripada apa yang telah dibayar oleh Kerajaan kepada kakitangannya.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tidak.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1974

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1974

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan dalam

Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (7hb Januari, 1974).

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan* Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi: Saya suka hendak menerangkan iaitu masa sudah suntuk. Kalau hendak bercakap panjang-panjang, saya rasa eloklah dipendekkan perbincangan itu supaya dapat menjimatkan masa.

Perbincangan disambung semula.
3.30 ptg.

JADUAL

Kepala B. 15 dan P. 15—

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah): Tuan Pengerusi, menyambung ucapan saya semalam dalam mengemukakan budget bagi Kementerian kami iaitu Kementerian Perusahaan Utama. Kerajaan Sabah, melalui Lembaga Tabung Getahnya, akan menjalankan projek penanaman semula getah mulai tahun 1974. Matlamat tanaman semula yang dirancang ialah seluas 6,000 ekar. Bagi tujuan ini sebanyak \$2 juta telah diperuntukkan di bawah Pecahan Kepala 16 bertajok Penanaman Semula Getah (Sabah).

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat dapat perhatikan daripada Buku Anggaran Belanjawan 1974 yang dibentangkan, Jabatan Perhutanan diperuntukkan sebanyak \$3,022,600 yang meliputi rancangan-rancangan berikut:

Semenanjung Malaysia

- (a) Kerja-kerja dan kemudahan-kemudahan Pusat Penyelidikan Hutan;
- (b) Penyelidikan pemulihan dan pembangunan hutan;
- (c) Rancangan Kemajuan Perusahaan Hutan;
- (d) Kajian Bahan-bahan Hutan;
- (e) Penyelidikan Kayu Lumat, Kayu Kertas dan Papan;
- (f) Penyelidikan kearah pengeluaran;
- (g) Perancangan Jalan Hutan;
- (h) Maktab Perhutanan;
- (i) Stesyen kecil bagi tapak semaian pine;
- (j) Stesyen kecil Pusat Penyelidikan Hutan Pahang; dan
- (k) Sekolah membalak.

Sarawak

- (a) Pusat Penyelidikan Hutan dan Latihan Teknik;
- (b) Kemudahan-kemudahan Penyelidikan Hutan;
- (c) Rancangan Kemajuan Perusahaan Hutan.

Dalam tahun-tahun yang lampau, peruntukan-peruntukan Pembangunan bagi Perhutanan bolehlah dikatakan terhad. Tetapi bagi tahun 1974, jumlah peruntukan telah bertambah lebih dua kali ganda daripada tahun 1973 dan ini mencerminkan perhatian yang lebih berat ditumpukan kepada perusahaan penting ini. Kerajaan mesti menentukan dalam tahun-tahun yang akan datang, supaya Malaysia akan terus dapat dibekalkan dengan bahan kayu-kayuan yang cukup dan bermutu dari hutannya yang sentiasa hijau dan subur dan juga dapat menampung industri kertas dan palpa.

Dengan tertubuhnya beberapa kompleks perikanan di Semenanjung Malaysia, keperluan terhadap kakitangan ataupun tenaga yang terlatih akan bertambah. Oleh sebab itulah, \$1 juta telah diperuntukkan di bawah tajuk "Sekolah-sekolah Membalak" bagi melatih lebih ramai lagi tenaga manusia dalam bidang membalak. Sekolah-sekolah membalak yang baru dirancang sebuah di Negeri Perak dan sebuah lagi di Negeri Trengganu. Sekolah membalak yang ada sekarang ialah di Pahang. Maktab Perhutanan Kepong yang telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri dalam tahun 1973 ini akan memainkan peranan penting dalam menemui keperluan-keperluan dalam bidang teknikal dan iktis. Usaha-usaha di atas juga bertujuan untuk menggalak dan mempercepatkan penyertaan bumiputra dalam perusahaan kayu-kayuan di negeri ini.

Kita juga akan dapati yang peruntukan baru sebanyak \$142,000—Pecahan-kepala 30—telah diberikan bagi mendirikan stesyen kecil Pusat Penyelidikan Hutan di Pahang oleh kerana ini akan mendekatkan lagi usaha-usaha penyelidikan dengan kawasan yang penting dengan hasil kayu-kayuan. Kerja-kerja kajian bahan-bahan hutan terus dijalankan dalam tahun 1974 dan belanjanya dianggarkan sebanyak \$122,200.

Peruntukan yang bertambah juga telah diberi bagi maksud tapak semeian pokok-pokok pines iaitu sejajar dengan dasar Kerajaan untuk memajukan kawasan-kawasan yang luas ditanam dengan benih-benih pines ini. Usaha-usaha penyelidikan ke arah pengeluaran telah juga diberi peruntukan yang lebih banyak daripada tahun 1973 memandangkan kepada "emphasis" terhadap penggunaan atau "utilization" hasil kayu-kayan kita dengan cara yang lebih ekonomik. Untuk menjamin supaya hasil penyelidikan ini dapat disalurkan secepat-cepatnya ke dalam aliran kemajuan perusahaan kayu Jabatan Perhutanan telahpun disusun semula dengan menubuhkan satu bahagian yang dinamakan "Bahagian Pembangunan Perusahaan Kayu". Di bawah Pecahan-kepala 35, Sarawak juga diberi peruntukan sebanyak \$130,000 bagi maksud penyelidikan dan latihan teknik.

Sayugia saya maklumkan kepada Dewan Yang Mulia ini bahawa usaha-usaha akan dipergiatkan dalam tahun-tahun yang akan datang dan memadai bagi saya mengatakan di sini yang peranan Jabatan Perhutanan akan menghadapi perubahan yang besar bukan sahaja dari segi kakitangan tetapi juga tugas-tugas dan keutamaan iaitu (Functions and Priorities). Tugas-tugas ini akan dilaksanakan dalam konteks dasar hutan negara dengan panduan dari Majlis Perhutanan Negara yang baru ditubuhkan itu.

Perhatian lebih mestilah ditumpukan kepada usaha-usaha Pembangunan Hutan dan mengujudkan satu kawasan hutan simpan kekal yang melibatkan aspek-aspek tanaman, mengawal, merawat dan menanam semula hutan dengan jenis-jenis kayu yang tinggi mutunya. Seterusnya kawalan-kawalan yang lebih ketat juga perlu dijalankan bagi menjaga nama baik perusahaan kayu di negeri ini terutamanya di dalam pasaran antarabangsa. Usaha-usaha ini akan di laksanakan dengan kerjasama rapat dari Lembaga Perusahaan Kayu Malaysia yang Akta Penyusunan Semulanya telah diluluskan oleh Dewan ini dalam mesyuaratnya yang lalu. Segala kegiatan di atas juga bermaksud untuk menentukan perkembangan yang sihat dalam perusahaan-perusahaan yang berasaskan kayu-kayan di samping mencapai matlamat penyertaan bumiputra yang lebih positif dan berkesan dalam perusahaan perkayuan.

Projek Penanaman Semula Nenas di negeri ini mula dijalankan pada akhir tahun 1971 dan matlamat bagi rancangan ini bagi tahun 1974 ialah penanaman semula sebanyak lebih kurang 5,000 ekar. Jumlah besar peruntukan di bawah Pecahan-kepala 4 bagi tanaman semula nenas dalam Rancangan Malaysia Kedua ialah \$4,763,004 dan bagi tahun 1974, peruntukan yang dipohonkan ialah \$1,582,053.

Bagi mempercepatkan perkembangan perindustrian terutamanya perusahaan-perusahaan yang berasaskan pertanian (agro-based industries) di kawasan luarbandar, FIMA telah ditubuhkan dan dalam tahun ini FIMA sedang menjalankan tiga projek serentak Projek-projek hari ini ialah:

- (a) Cashew Industry of Malaysia Sdn. Berhad;
- (b) Malaysian Can Co. Sdn. Berhad;
- (c) Kotak Malaysia Sdn. Berhad.

Peruntukan bagi tahun 1974 bagi Pecahan-kepala 5 untuk FIMA berjumlah \$4,178,050 bertujuan bagi membiayai "Progress Payments" projek-projek di atas sehinggalah sempurna perlaksanaannya nanti. Perlu dinyatakan juga di sini projek-projek baru sentiasa dipertimbangkan oleh FIMA dan jika didapati sesuai dan ekonomik ianya akan dilaksanakan dan peruntukan tambahan akan dipohonkan apabila perlu.

Selain dari projek-projek di atas tadi penubuhan Lembaga Tembakau Negara dalam tahun 1973 akan juga memerlukan perbelanjaan dalam tahun 1974 berjumlah lebih kurang \$243,304. Tujuan utama Lembaga ini adalah untuk mengawasi perkembangan perusahaan tembakau supaya cukup teratur dan sihat. Dalam tahun 1974 langkah-langkah akan diambil untuk mendaftar dan mengawal semua kegiatan-kegiatan dalam perusahaan ini. Dalam tahun itu juga, kegiatan Lembaga akan memberatkan usaha-usaha seranta bagi menggalakkan pengeluaran daun-daun tembakau yang bermutu tinggi.

Satu lagi Jabatan di bawah Kementerian saya iaitu Jabatan Penyiasatan Kajibumi ada menjalankan projek-projek Pembangunan di Semenanjung Malaysia dan

juga di Sabah. Jumlah peruntukan yang dipohonkan bagi Jabatan tersebut ialah \$126,124 iaitu di bawah Pecahan-pecahan Kepala yang berikut:

Semenanjung Malaysia

- (a) Kelengkapan Sains;
- (b) Alat Meneroka Galian;
- (c) Penyiasatan menentukan Galian;
- (d) Kelengkapan Arkib.

Sabah

Penyiasatan menentukan Galian.

Jumlah besar wang peruntukan yang dikehendaki adalah bagi membuat penyiasatan menentukan galian (Mineral Clearance Survey) dan membeli kelengkapan-kelengkapan yang perlu. Kajian-kajian akan terus dibuat di Semenanjung Malaysia dan Sabah bagi mendapatkan maklumat-maklumat kajibumi untuk membantu dalam pembinaan-pembinaan ampangan, pembinaan jalanraya, lapangan terbang dan kuari. Juga usaha-usaha ini bertujuan menentukan kedudukan logam-logam terutamanya di kawasan-kawasan yang akan dimajukan untuk usaha-usaha pertanian. Kajian-kajian Kajibumi Pahang Tenggara telahpun dijalankan dan kerja-kerja "follow-up" akan diteruskan di dalam kawasan lebih kurang 4,035 batu persegi di kawasan tersebut. "Mineral Clearance Survey" kini sedang dijalankan di Ulu Kelantan, Kuantan, Jerantut dan Muar.

Di Sabah, pemetaan Kajibumi bersistem dan penyiasatan-penyiasatan Galian di kawasan-kawasan Sempurna, Ranau Utara—perancangan dan Telupid ialah aktiviti-aktiviti yang utama. Tambahan lagi Jabatan ini dijangka menjalankan 70 hingga 80 penyiasatan-penyiasatan kecil ke atas tapak-bina-tapakbina Kuari, kawasan-kawasan air bawah tanah dan kejuruteraan Kajibumi memandangkan kepada pembinaan jalan-jalan raya yang pesat sekali dan pembangunan rancangan-rancangan tanah.

Di Sarawak, walaupun pemetaan Kajibumi yang biasa dan Penyiasatan Ekonomi akan diteruskan, keutamaan adalah ditumpukan ke atas kejuruteraan Kajibumi, Kaji-puncair dan Penyiasatan-penyiasatan ke atas batu-batan perusahaan dan Galian. Penyiasatan-penyiasatan yang lengkap bagi

bahan-bahan pembinaan di kawasan Miri-Bintulu akan dijalankan sebagai perkara yang utama.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya memohon peruntukan belanja mengurus berjumlah \$10,891,286 di bawah Kepala B. 15 dijadikan sebahagian jadual dan belanja Pembangunan berjumlah \$74,437,174 di bawah Kepala P. 15 untuk Kementerian Perusahaan Utama diluluskan oleh Dewan Yang Mulia ini.

3.50 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka):

Tuan Pengerusi, yang pertama saya hendak sebutkan Pecahan-kepala (Kod) 1110 (1) (d) Bahagian Petroliaam, dan saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Mengikut keadaan di Sarawak iaitu tanaman getah adalah sangat berbeza daripada Semenanjung Malaysia ini. Di Sarawak tanaman getah atau Kebun Kecil Getah adalah kebanyakannya pada masa dahulu lagi dipunyai oleh pekebun-pekebun kecil persendirian dan terdapat juga kawasan kebun getah yang berkelompok-kelompok di pedalaman negeri Sarawak dan tanah rakyat bumiputra yang tidak mempunyai surat hak-milik tanah dan belum lagi diukur oleh pihak Jabatan Tanah dan Ukur Negeri. Mutu pengeluaran getah di kawasan seperti ini adalah sangat rendah jikalau dibandingkan dengan mutu-mutu getah yang berhampiran dengan pekan dan bandar.

Kami berharap dengan adanya Rancangan Tanaman Semula Getah ini segala perkara yang patut dibuat bagi kepentingan pekebun-pekebun kecil getah di Sarawak dapat dilaksanakan bagi menjamin dan menyesuaikan dengan Dasar Ekonomi Baru dalam Rancangan Tanaman Semula Getah seperti yang dimaksudkan oleh Kementerian ini. Kami juga berharap RISDA dapat memainkan peranan cergas di Sarawak untuk menolong dan menjayakan tanaman baharu berkelompok-kelompok seperti getah dan kelapa sawit seperti memberi bantuan kewangan yang mencukupi dan kakitangan yang berkebolehan serta alat-alat kelengkapan yang moden bagi memajukan segala rancangan yang menjadi tanggungjawab RISDA, sesuai dengan kemuncak penting dalam cadangan-cadangan tahun 1974 dan Rancangan Malaysia Kedua.

Tuan Pengerusi, di muka 134, P. 15, Pecahan-kepala 35, 36 dan 37, negeri Sarawak mendapat Peruntukan Pembangunan di tiga Pecahan-kepala tersebut yang berjumlah \$685,000, mendapat tambahan sebanyak \$229,000 daripada tahun lepas. Perkara penyelidikan kayu-kayan dan latihan teknik, kemudahan penyelidikan hutan dan rancangan kemajuan perusahaan hutan dan sebagainya adalah satu perkara yang penting sekali seperti yang telah disedari oleh Kementerian yang berkenaan ini.

Kawasan hutan di Negeri Sarawak adalah mengandungi tiga bahagian yang terbesar seperti yang telah kita ketahui, iaitu hutan bakau atau hutan air masin, hutan paya atau hutan air tawar dan hutan bukit. Ketiga-tiga bahagian ini sama-sama ada mengandungi bermacam jenis ketumbuhan hutan bagi faedah rakyat di negara ini. Begitu juga buminya mengandungi kekayaan alam semula jadi seperti kita ketahui sekarang, iaitu minyak, arang batu, emas dan lain-lain lagi. Sekarang rakyat Malaysia yang duduk di Sarawak masih mempunyai angan-angan untuk menikmati kekayaan sumber hutan dan bumi Sarawak yang sudah terkenal lama sebagai sebuah negeri yang mengeluarkan minyak, kayu-kayan dan logam serta berharap sumber-sumber hutan mencukupi untuk rakyat dan jenerasi akan datang.

Kami berharap kaum belia atau rakyat yang duduk bermastautin di Negeri Sarawak yang telah meninggalkan bangku sekolah

masih banyak lagi belum mendapat pekerjaan supaya mereka ini diberi latihan seperti sekolah latihan membalak cara moden yang patut dibuat di Negeri Sarawak dan lain-lain lagi yang ada kaitan dengan perusahaan sumber alam kekayaan di Negeri Sarawak supaya rakyat di Sarawak terutamanya rakyat yang miskin dapat sama-sama mengambil bahagian cergas di dalam segala bidang perusahaan kayu-kayan dan sebagainya bagi mendapat pekerjaan dan jika boleh diberi saham-saham yang tertentu dengan tidak mengeluarkan modal wang mengikut mana yang patut dan baik difikir oleh pemimpin-pemimpin yang bertanggungjawab kepada Kementerian yang berkenaan untuk membasmikan penyakit kemiskinan rakyat asli bumiputra di Sarawak yang sekarang telah bebas dan merdeka tidak dijajah lagi seperti di zaman penjajahan dahulu.

Dan sekarang yang kita ketahui bukan sahaja harga papan mahal, tetapi rakyat tempatan adalah sukar untuk mendapat papan bagi kegunaan untuk membuat rumah sendiri, baik di kampung atau di rumah panjang kerana di kilang-kilang papan di Sarawak mendapat tempahan yang banyak dari luar negeri dan kontrektor-kontrektor tempatan bagi mendapat papan. Oleh itu, kami berharap pihak yang berkenaan dapat mencari satu jalan supaya kayu-kayan seperti papan untuk kegunaan rakyat sendiri diutamakan. Dan saya menyokong apa yang dikatakan oleh sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor sebentar tadi bahawa balak patut dibuat atau dikerjakan, diproseskan di negeri kita ini supaya papan-papan itu mencukupi untuk kegunaan rakyat sendiri. Begitu juga hutan-hutan harus diberi pertimbangan supaya rakyat bumiputra diberi peluang bagi mendapatnya.

Akhirnya, saya menyokong di atas belanjawan yang dikehendaki oleh Kementerian ini.

4.45 ptg.

Tuan Su Liang Yu (Bruas): *(Dengan izin)* Mr Chairman, Sir, I refer to Head B. 15, Kod 1100—Salaries and Wages—amounting to \$7,149,440. Sir, we are today depending mainly on rubber and tin and perhaps, a little on timber, coconut, palm-oil, etc. for export to get revenue for the country. But surely, Sir, the Malaysian products for exports, apart from rubber and tin, can

include fish, meat and other Malaysian foodstuff. Since our country is depending mainly on rubber and tin, I am sure we can, with the co-operation of the State Governments, set up more factories to produce and export these products termed as Malaysian products.

The Industrial Development Division and the Productivity Centre can plan and advise the State Governments to encourage the setting up of new factories by suggesting to these State Governments to provide cheap Government land, water and power. A day will come when our natural rubber will have to compete with synthetic rubber from abroad. It may be that for the next ten years to come this crisis of competition between the synthetic rubber and the Malaysian natural rubber may not come to a head, but there is no reason why the Government should not plan ahead to see that the rubber industry of Malaysia shall not suffer unduly in the future.

Foreign countries may not be attracted to buy our natural rubber because of the instability of the price of our Malaysian rubber. So to ensure that the demand of our natural rubber would be good, the Government should try its best to stabilise the price of rubber. There should be some sort of control in its price to accommodate this present inflation because of the world shortage of oil.

First of all, the Government should look into the possibility of setting up a Rubber Control Agency in order to control the price of rubber, to ensure stability in the price. If the Government is to do this, I must admit that it cannot go very far unless there is also international co-operation. Therefore, the next step would be consultations with foreign countries, especially with countries which are big consumers of natural rubber, and the Government as far as possible should come to some sort of rubber agreement at international levels. So if the Government plans ahead early, we may not have to face competition; otherwise the result would be the fluctuation of rubber prices in our country. This may not come about if we start soon enough.

We must ensure that the price of our rubber will be comparatively stable so that many consumers may not resort to the use of synthetic rubber; otherwise Malaysia will

have to reduce its rubber production. This is why I would like the Rubber Control Agency to study the matter, because at present most of the smallholders have replanted their holdings with high-yielding clones. Our production per acre is the highest in the world and it has more than doubled during the last thirty years. The replanting schemes that are being encouraged by this Ministry is helping us to be in the forefront of the rubber-producing countries in the world. So I urge the Ministry to find a proper market in the world before it is too late. Thank you, Sir.

4.48 ptg.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Pengerusi, saya bangun memberi sokongan peruntukan yang diminta oleh Kementerian yang berkenaan ini. Walau bagaimanapun, saya memberikan pendapat-pendapat yang ada kaitan dengan Kementerian ini.

Yang pertama sekali, saya menyentuh rancangan tanaman semula getah. Telah banyak diperkatakan oleh sahabat saya tetapi bagi saya adalah berlainan. Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang begitu bijak hingga pada saat sekarang harga getah telah mahal dan pasarannya dapat dijamin pada masa yang lagi akan datang. Ini atas usaha yang telah dibuat oleh RRI. Saya puji kepada badan ini pertama sekali usahanya, telah membanyakkan pegawai-pegawai bumiputra mengambil latihan dalam badan ini dan yang kedua satu usaha yang sangat dibanggakan oleh negara ini iaitu dalam RRI telah membuat satu penyelidikan bahawa getah ini boleh dibuat bentuk tepung. Getah ini akan menjadi satu bahan barang-barang yang digunakan selain daripada tayar dan juga barang-barang yang lain.

Yang kedua, saya hendak bercakap dalam bahagian RISDA. RISDA ini satu nama baru tetapi kerja-kerjanya yang dilakukan oleh Lembaga Penanaman Getah Semula. Walau bagaimanapun ada perubahan baru. Yang pertama sekali saya nampak bahawa bantuan yang diberikan kepada pekebun kecil kita sebanyak \$750 itu tak cukup. Kerajaan sedia memberi satu pertimbangan bahawa pada masa sekarang bahan-bahan mahal, upahan mahal supaya dapat ditinggikan kepada \$1,100 ataupun \$1,200

sekar. Saya tahu bahawa badan ini telah dapat memberikan peruntukan tetapi Kerajaan masih sayang sangat hendak meniggikan bantuan yang dikehendaki oleh pekebun-pekebun kecil. Kalau sekiranya Kerajaan hendak melihat pekebun kecil ini maju dan dapat bantuan tanaman yang moden sama dengan estet-estet bantuan ini perlu difikir dan dikemaskan.

Yang kedua, berhubung dengan bantuan yang diberikan. Saya mengharapkan Jabatan itu supaya menyediakan wang bantuan itu hendaklah diberi kepada Pejabat Wilayah tidak melalui Pejabat Negeri. Dengan keadaan diberi kepada Pejabat Wilayah dapatlah pekebun kecil kita ini menerima wangnya dengan seberapa segera, tidak bagaimana keadaan sekarang memakan masa 3 bulan atau 4 bulan.

Tuan Pengerusi, RISDA ini telah menjalankan satu perkara yang berfaedah kepada penanam getah kita iaitu baja cara pinjaman. Ini saya fikir masih kekurangan. Saya harap peruntukan ini supaya ditambahkan dan diberikan kepada pekebun-pekebun kecil kita yang mempunyai tanah 10 ekar ke bawah. Sebab dengan keadaan bantuan baja kredit yang dipinjamkan ini akan dapat susu getah itu lebih baik dan tatkala itu akan dapat menambah pendapatan hidup pekebun-pekebun kecil kita.

Yang ketiga, berkaitan dengan RISDA ini iaitu cuka getah. Cuka getah ini sekarang hendaklah kita awasi dengan betul diberikan cuka itu kepada pekebun-pekebun kecil kita, sebab kalau kita kurang awas, pekebun kecil kita susah mendapat cuka dan apabila lepas ke tangan orang tengah, berbalik semula kepada pekebun kecil kita dengan harga yang mahal.

Satu perkara lagi berhubung dengan tanaman kontan. Tanaman kontan ini, saya fikir pada masa sekarang tidak begitu sempurna sebab pekebun-pekebun kecil kita menunggu rancangan ini memakan masa dua tiga bulan, hendak mengisi borang, hendak diluluskan oleh peringkat daerah, peringkat Negeri. Saya mengharapkan satu rancangan yang hendak dibuat oleh pekebun kecil berhubung dengan tanaman kontan ini dinasihatkan mereka suruh dibuat rancangan itu setelah diperolehi kemajuan-kemajuan yang dibuatnya itu,

maka dengan ketika itu kita patut berikan bantuan pinjaman supaya dengan keadaan ini rancangan tidak terbengkalai dan gagal.

Dalam soal RISDA ini, saya nampak bahawa banyak pekebun-pekebun kecil yang menanam getah semula itu gagal. Saya harap Kementerian ini akan membuat kajian dan memberi nasihat kepada mereka supaya kawasan-kawasan yang gagal itu dipulihkan semula. Dengan keadaan macam ini barulah seimbang pekebun-pekebun kecil ini akan dapat menikmati kebun getahnya itu ditanam semula dan dia dapat nikmat dengan jualan getah yang baik pada masa sekarang. Saya fikir, dalam masaalah rancangan yang gagal ini memang luas ikhtiarnya dalam negeri kita ini.

Satu perkara yang saya hendak sentuh berhubung dengan penanaman nenas, Pecahan-kepala 4, muka surat 132, Nenas ini telah disebut oleh rakan sejawat saya. Tetapi satu perkara yang kurang cermat kepada Kerajaan menurut hemat saya iaitu di Negeri Johor telah dua buah kilang didirikan tetapi malangnya kilang nenas ini kurang bahan-bahan hendak diproseskan dengan sebab nenas-nenas itu kurang, yang keduanya nenas yang dipilih oleh kilang itu hendaklah nenas yang sesuai dengan perkilangan. Saya berterima kasih bahawa rancangan menanam semula nenas itu akan dibuat dalam tahun ini dengan adanya peruntukan yang tertentu. Tetapi saya dukacita bahawa tanaman ini hanya Negeri Johor patut kita luaskan hingga ke Selangor, dan pada masa yang lagi akan datang kalau Kerajaan hendak membuat kilang nenas ini, menurut hemat saya, hendaklah dibuatkan satu kajian (survey) yang lebih awal supaya kilang yang kita buat ini tidak gagal. Kilang nenas kita itu hanya berjalan satu hari dua jam sahaja. Lepas dua jam dia berhenti sebab bahan nenas tidak ada. Orang yang bekerja di situ cuma dapat upah cuma \$1 satu hari. Ini saya fikir satu kesilapan yang dibuat oleh Kementerian ini pada masa yang dahulu berlumba-lumba sangat hendak mendirikan kilang ini tetapi bahan-bahan hendak mengisi kilang itu kita tidak sertai usahanya.

Akhirnya, saya cuma hendak katakan dalam masaalah minyak. Minyak ini saya tidak hendak cerita banyak, ada kaitan dengan kehidupan rakyat bahawa dahulu negeri ini macam minyak tanah tidak

dikenakan cukai tetapi malangnya sekarang minyak tanah tidak dikenakan cukai tetapi minyak tanah naik. Dahulu satu botol dibeli rakyat 12 sen, sekarang sudah 20 sen dan sukar pula dapat. Jadi dengan keadaan yang macam ini, kalau kita tidak awasi bahawa peniaga-peniaga yang hendak keuntungan menghisap darah rakyat ini kalau kita tidak betul jaga, dia akan merosakkan negara, akan juga menyusahkan rakyat. Saya harap satu tindakan, satu kerahan patut diberikan perhatian kepada ahli-ahli perniagaan ini dan dibekalkan keseluruhannya kepada rakyat di luarbandar khususnya yang kekurangan minyak ini.

Dalam Pecahan-kepala 21—Kemudahan Pusat Penyelidikan Hutan. Saya cuma hendak sentuh dalam masaalah satu kompleks bagaimana yang telah diceritakan oleh Menteri yang berkenaan kompleks menanam pokok pine. Dalam negeri saya, negeri Johor satu kawasan telah dimajukan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Johor seluas 45,000 ekar dan tanah itu telah dibuat percubaan dengan sesuai dan memang cepat tumbuh daripada pokok pine yang tumbuh di Amerika. Kita bangga bahawa negara kita negara subur tetapi malangnya rancangan kompleks menanam pokok pine di Labis di negeri Johor ini tidak dapat peruntukan daripada Kementerian ini. Saya berharap kalau boleh di masa akan datang Kementerian ini hendaklah memandang dengan serious akan kompleks menanam pokok pine di Labis itu sebab dengan tanaman pokok ini akan dapat menambah bahan-bahan dalam negeri ini berhubung dengan membuat kertas sebab negeri kita pun sekarang kekurangan kertas, dengan cepatnya kita sempurnakan perusahaan kompleks ini masa akan datang kertas kita akan berdiri di atas kaki sendiri dan pokok ini boleh ditanam dan dijadikan bahan kertas dalam umur 7 tahun atau 10 tahun, menurut keterangan yang diberitahu kepada saya.

Tuan Pengerusi, dalam masaalah Syarikat Perusahaan Makanan Malaysia Sendirian Berhad. Saya mengalu-alukan usaha yang dibuat oleh Kementerian ini pada masa ini hendak membuat perusahaan gajus dan barang-barang ini memang dikehendaki oleh orang tempatan dan dunia. Tetapi saya fikir selain daripada gajus hendaklah diluluskan dalam menanam jagung dan juga menanam koko sebab jagung ini satu tanaman yang

sesuai dalam negeri ini dan jagung ini memang dikehendaki dan boleh kita proseskan jadi barang makanan. Dengan keadaan itu kita tidak lagi mengimpot jagung-jagung daripada luar negeri. Kementerian ini selalu teragak-agak bila dia kata satu kawasan jagung umpamanya di Trengganu sesuai tanam jagung, tetapi bila hendak membuat kilang teragak-agak tidak seperti gajus. Begitu juga hendak tanam koko teragak-agak pada hal koko ini satu tanaman yang sesuai yang dapat dibuat oleh pekebun-pekebun kecil kita, tetapi dengan lambatnya usaha menanam selain daripada tanaman buah gajus tadi, jagung dan koko yang saya katakan maka ketika itu berhubung dengan usaha hendak menambah mata pencarian hidup penduduk di luarbandar itu tidak dapat disempurnakan. Koko ini bukan sahaja boleh diambil daripada serbuknya, tetapi dicampurkan dengan susu kita ada rancangan MAJUHAIWAN daripada susu itu kita boleh jadikan coklat yang boleh dimakan oleh rakyat negeri ini dan juga boleh kita eksport ke luar negeri.

Dalam masaalah Perbadanan Kemajuan Getah Berhad. Saya sangat berterima kasih kepada Kementerian ini yang telah membuat kilang getah hevea crumb dan akan mendirikan pada tahun ini 7 buah lagi. Tetapi dalam perkara ini, saya memberikan pandangan, kalau benar Perbadanan ini hendak memberikan faedah kepada pekebun-pekebun kecil kita, hendaklah diperhatikan balik bahawa Perbadanan ini patut mengarahkan pekebun kecil kita supaya mengadakan syarikat kerjasama yang telah disediakan, yang diasaskan oleh Syarikat Pekebun-pekebun Kecil Kebangsaan. Jadi melalui syarikat kerjasama ini getahnya kita boleh kawal. Dengan keadaan macam itu, saya fikir ada lebih sempurna, ada lebih menafaat diterima oleh pekebun kecil kita. Bagi pihak Kesatuan Pekebun-pekebun Kecil yang telah mengusahakan syarikat ini di seluruh Malaysia samada di Semenanjung ini dan juga akan kita tubuhkan di Sabah dan Sarawak kelak.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Lembaga Tembakau

Lembaga ini patut diperhatikan oleh Kerajaan kerana Lembaga tersebut selama ini banyak yang merugikan, mengeciwakan dan

menyulitkan rakyat dan kadangkala tembakau ini ditanam di rumah mereka. Malangnya perkilangan ini tidak mahu menerima tembakau itu, kerana mutunya tidak baik, tidak sesuai dengan jenisnya, terpaksa penanam tembakau ini membakar tembakaunya. Keadaan yang semacam ini tak patut diulangi lagi. Saya harap Kementerian ini patut memerhatikan, jangan mengeciwakan rakyat dan jangan membuang masa rakyat. Tiap-tiap tenaga rakyat yang dicurahkan kepada satu-satu perusahaan itu hendaklah kembali faedahnya kepada rakyat dan kepada negara.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih.

5.02 ptg.

Dr Tan Chee Khoon (Batu): Tuan Pengerusi, saya bangun bercakap sepatah dua dalam Belanjawan yang dikemukakan oleh Menteri Perusahaan Utama dan di samping ini, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi, pertama sekali saya hendak sentuh sedikit tentang muka surat 123 (d)—Bahagian Petroleum (Petroleum Division of the Primary Industry).

(*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, we are going through the throes of an oil squeeze. But, fortunately, we in Malaysia are regarded as a most favoured nation by the Middle-East oil producing countries and therefore there will not be any cut in the petroleum that is supplied to us as before the Middle-East War recently on October 6th, 1973.

Secondly, we are an oil producing country and as such we produce more oil than we need and not only do we produce oil, we produce oil which is of low sulphur content and therefore of high grade and it fetches a higher price than the ordinary oil that comes from the Middle-East. As such, we are indeed a fortunate country in the sense that we are not short of oil from the Middle-East and we produce oil which fetches a higher price in the international market. But, unfortunately, the Government has not thought it fit to pass on these benefits to the people of this country. What the Government has done recently is to increase the price of the oil that is consumed in this country on the ostensible reason that because we purchase oil at a higher price,

therefore we must sell it at a higher price. I do not see the logic of it. If the Government is really serious in curbing inflation in this country, then I submit that the Government must absorb whatever increase in the price of the oil that we may have to buy from the Middle-East. It is not generally known to the consuming public that our duty on oil is one of the highest in the world. If I am not mistaken in the case of ordinary petrol for cars, it is in the region of \$1.20 per gallon and if you add the other taxes on to it, it is much more, which means that before the increase of prices, for every gallon of oil that we bought at \$2.18 more than half of it went to taxes. I submit, Mr Chairman, Sir, because the tax is so high, the Government must absorb the increase in prices that we have to pay for the oil that we buy from the Middle-East.

First of all, this country produces more oil than it consumes. Therefore, the revenue that we get from oil is much higher this year than last year and as such the Government should not allow oil companies to increase the price of oil but the Government should absorb the increase in the price of oil.

Mr Chairman, Sir, not only is the price of oil increased, but I am told that there is a shortage of oil. Now, the Minister in his T.V. appearance—I believe he made two appearances—did not make any mention of a shortage of oil but recently I had an occasion to talk with a fairly big consumer of oil and he told me “Doctor, you see, on top of all the troubles that I have of lack of other goods, now I have money to pay for the diesel that I need but I am told, ‘Look here, you can get only 80% of your need’ ” which means that if we do not look out, we may well have to go back to what Britain is doing—three days of work per week for factories. This is totally unnecessary. If there is indeed a shortage of oil, then I want to ask the Minister of Primary Industries why is it that (a) we are assured by the oil producing countries in the Middle-East that we are the most favoured nation and therefore there will not be any cut in the supply oil to us as compared to the oil that we bought on October 6th 1973 and (b) if there is a cut from the Middle-East, then the sensible thing would be that we should not sell so much of our oil and cause a shortage in this country.

Very recently I have returned from Indonesia. Indonesia also is an oil producing country, but Indonesia does not, I repeat does not, increase the price of oil for the consumers. It seems to it that its consumers get oil at very reasonable prices. In Indonesia it is 50 rupiahs per litre which works out very roughly to about \$1 per imperial gallon. I want to stress that the Government is breaking faith with the people of this country by allowing the oil companies to raise the price of oil in this country. The Government is, by this action, increasing the inflation in this country because oil is not only used by people who own cars but oil is used by our industries. Some of our industries consume large quantities of oil, and the Minister has allowed the price of diesel oil to be increased, I believe, by 11 cents or so to industries. That means the cost of production of our various consumer goods in this country will increase; it will increase inflation in this country and it will also mean that our goods are not that competitive viz-a-viz our competitors overseas. Therefore, I will make a plea to the Government that it should have a second look at the increase of oil to the consumers in this country. It should absorb whatever increases in the price of oil that we may have to pay for our imports from the Middle-East and not pass it on to the consumers in this country.

The other thing of course is that one thing leads on to another. Because there is an increase in the price of oil, although kerosene itself is exempted, there is not only a shortage of kerosene, where there should not be a shortage of kerosene, but the price of kerosene has gone up, although the Minister quite specifically stated that kerosene is exempted from any increase in the price of oil to the consumers in this country. This is because any increase in price sanctioned by the Government particularly of an essential commodity like oil triggers off a chain reaction and the Minister now finds it very difficult to curb it because, I believe, that after his first appearance on T.V. to announce the increase in the price of oil, he has made another T.V. appearance to assure the country that there is no shortage of kerosene in this country and that the price of kerosene should not increase. But, nevertheless, Mr Chairman, Sir, because of the chain reaction, there is an increase in the

price of kerosene and not only that, presumably because of hoarding or presumably because of smuggling outside this country, there is now a shortage of kerosene as well.

Mr Chairman, Sir, the other item that I wish to speak on is on Forestry. From time to time, we see in the newspapers and we do know from reports that there are lots of people in this country who are alarmed at the way in which our forests are being denuded of timber. From time to time, we also get assurances from our Ministers that there is nothing to be alarmed about, that the Government is taking care of the replanting of our forests so that there will be an assured supply of timber in this country. But the way the forests are being felled, the way the timber is being cut down almost indiscriminately means that perhaps in another twenty years time, there will be a real shortage of timber in the country. I would urge the Minister to give top priority to silviculture, to see that the forests that are being denuded of timber are being replanted systematically and in fact that among the conditions attached to the timber concessions given to the timber tycoons should be the condition that they should replant the timber that they have removed from the forests and replant them with timber that should not take 80 years to mature but perhaps take 10 to 20 years to mature. If we do not do this, Mr Chairman, Sir, instead of being an exporting country of timber, we would become an importing country of timber and more than that, we do know that the massive cutting down of timber in our forest land means that not only will the climate change but also floods will occur. We heard the Minister of Home Affairs yesterday explaining that, amongst other things, one of the causes of floods in this country is that the forests are being denuded of timber. Mr Chairman, Sir, I would urge the Government to pay serious attention to silviculture and to see that the forest that are being denuded should be replanted almost immediately after the timber is cut down.

The other thing, Mr Chairman, Sir, I have mentioned it before, I would like to mention it again, is that the Government should take the study of forestry more seriously. I have mentioned it before that there is a fairly good Forest Institute in Kepong. But the Government should set up a College of Forestry,

preferably in the States of Sabah and Sarawak where most of our forests are at the moment, and if we have a course in Forestry up to Degree level, then maybe because of research done in the Department, we can ensure that there is an adequate supply of timber in the years to come.

Finally, Mr Chairman, Sir, I would urge the Government also to see to it that this country not only produces primary commodities like rubber, cocoa, and I heard the Member for Muar Dalam say maize, but we should also process them before they are being exported. Far too much of our primary commodities are being exported to industrialised countries, developed countries, to provide jobs for them. After all, workers down there get wages that are in the region of \$5, \$6 by the hour, Mr Chairman, Sir, and this is from our commodities; it is from the sweat and toil of the workers of this country that they get our primary commodities and they get such high wages. Our workers in this country do not anywhere go near \$5 per day, not to say per hour. Therefore, I would urge the Minister of Primary Industries to concentrate more on producing finished products from our primary industries.

Mr Chairman, Sir, very recently the Minister of Finance slapped on an export duty of 5% on timber logs, sawn timber and all other timber products that are exported and there has been a howl from the timber merchants. They say that there is a depression in the timber trade right now because of depression in Germany and Japan and therefore the demand is less. I would urge the Minister to start a propaganda campaign to convince our timber tycoons that they should not export our logs and sawn timber only but they should also turn these logs and sawn timber into finished products like tables, chairs and the like and export them, thereby not only can we give work to the rising generation in this country but also earn much needed revenue as well.

5.17 ptg.

Tuan R. C. M. Rayan (Ipoh): (*Dengan izin*) Referring to the Ministry of Primary Industries, page 123, Head B. 15, Sub-head 1100, subsection (2), dealing with Forestry, I would say that although we have forests in abundance in Malaysia, yet prices of timber

and plywood are shooting upwards resulting also in the price of houses increasing manifold. I hope the Honourable Minister will seriously endeavour to assist the public by opening Government-owned timber factories and offer to the public timber and plywood at reasonable prices and help thereby to bring down the prices of houses as well. I would even go a step further and urge the Government to go so far as to even become developers of houses, both low-cost houses and even bungalows, to help lower the fantastic prices of houses that are prevailing now. The Government has land at its disposal and there is therefore no reason why the prices cannot be brought down. There is no use leaving everything to the private sector and expect the private sector to show some sympathy to the purchasers of houses. I may ask why should the private sector show any mercy towards buyers of houses when their main object undertaking the development of houses is to make as much profit as possible for themselves with the minimum of delay and expense. If the Government undertakes the building of houses side by side with the private sector, this will pave the way for competition among the private sector and the Government and the people who will benefit by this healthy competition are the members of the public.

Now, speaking on worldwide shortage of paper that is prevailing now, I would say that 1/3 of the world's land surface is covered with trees and there is therefore no good reason why there should be a shortage of paper if only the countries where trees are found in abundance, like Malaysia, seriously contemplate opening up paper factories with the help of the pulp that is obtainable from these trees instead of leaving this paper producing problem to countries like Scandinavia and Canada and we remain satisfied by buying the paper from foreign countries at exorbitant prices. The problem is now becoming more and more acute and even to read a newspaper which was sold at 10 cents and 20 cents now cost about 20 cents and 30 cents which is about one-sixth or one-seventh of a poor man's salary per day.

Speaking on tin and rubber, I would say that in addition to having a Research Unit as we now have for considering increasing the output of rubber and tin, we should also undertake a Research Unit to discover more

uses for our own rubber and tin so that we would not only be exporting raw rubber and tin for overseas consumption but we would also be exporting manufactured goods made out of tin and rubber. If manufactured goods are exported overseas we will not only earn more and better revenue for the country but will also provide more jobs for the jobless.

In this connection of finding other uses for rubber, some attention should also be paid towards making rubber-made coffins as we find thousands of people dying all over Malaysia everyday; and not only in this country, but overseas as well. This is a matter to be taken into account by the Government also.

5.23 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh sedikit dalam peruntukan Kementerian Perusahaan Utama ini. Perkara yang saya suka sebutkan di sini ialah berkaitan dengan bijih. Kita ada mempunyai usaha-usaha untuk memperkembangkan perusahaan-perusahaan bijih dan saya berasa gembira kerana negara kita dipilih mengetuai Majlis Bijih Timah Antarabangsa. Saya rasa sepatutnya pihak Menteri yang berkenaan menerangkan apakah keistimewaan-keistimewaan yang kita dapati sebagai mengetuai majlis yang berkenaan.

Bijih Timah

Tuan Pengerusi, dalam perkara bijih timah ini, saya dapati sekarang ini kita lebih banyak mengeksport bijih-bijih yang belum diproses. Sepatutnya kita mesti berusaha untuk mengadakan perusahaan-perusahaan seperti itu supaya kita memperoleh hasil yang lebih banyak, dan selain daripada itu kita boleh memberi pekerjaan kepada rakyat kita. Negeri kita ini kurang pekerjaan untuk rakyat, maka dengan sebab itu gaji buruh-buruh kita murah.

Selain daripada itu, saya ingin menyebutkan dalam masalah bijih timah, iaitu bijih yang ada di ladang-ladang, di estet-estet dan sebagainya. Bijih itu memang boleh diproses, tetapi sekarang ini nampaknya lambat cara untuk memprosesnya kerana terhalang oleh adanya tanaman-tanaman ataupun rumah-rumah. Saya memberikan satu contoh di suatu estet di

Trengganu yang ditanam dengan kelapa sawit di mana tanah itu mengandungi bijih, tetapi oleh kerana agreement dibuat antara Kerajaan Negeri dan pihak ladang kompeni itu, maka usaha untuk mendapatkan hasil bijih yang ada di dalam tanah di situ tidak boleh dijalankan dan kena menunggu bertahun-tahun. Saya agak apabila kelapa sawit yang ditanam oleh ladang yang berkenaan dapat mengeluarkan hasil, baharulah boleh dikeluarkan bijih itu. Ini satu cara yang merugikan, sedangkan bijih ialah hasil yang banyak.

Bijih dalam Kawasan Melayu

Tuan Pengerusi, saya ingin sebutkan berhubung dengan bijih ini dalam kawasan Melayu ataupun Malay Reserves. Tanah Reserves orang Melayu ini kita dapati masih belum diproses dengan cara yang baik. Ada kenyataan-kenyataan Menteri yang berkenaan khasnya Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan PERNAS telah mengadakan usaha-usaha untuk mencari-gali bijih dan demikian juga dijalankan oleh pihak Kementerian yang berkenaan mencari-gali bijih di kawasan Malay Reserves tetapi sehingga hari ini tidak begitu banyak kejayaannya berbanding dengan orang-orang lain yang telah maju dalam bidang ini. Sekiranya dibiarkan begitu, maka orang-orang Melayu atau bumiputra walaupun mempunyai Malay Reserves yang ada bijih, tetapi wangnya tidak dapat diperolehi. Saya harap Menteri yang berkenaan harus mengambil perhatian dalam hal ini agar dapat dikeluarkan hasil tersebut dan diperolehi oleh orang Melayu dan bumiputra.

Kayu-kayan

Tuan Pengerusi, saya ingin sebutkan berhubung dengan kayu-kayan. Dalam perkara kayu-kayan sekarang ini kadang-kadang kita dapati harganya mahal, kadang-kadang harganya murah. Saya setuju sekiranya kita dapat wang banyak dengan sebab itu kita boleh jual kayu kita dengan harga yang mahal, tetapi hendaklah kita fikirkan juga tentang kedudukan rakyat kita yang suka benar tinggal di rumah kayu khasnya orang-orang Melayu dan bumiputra kerana memang keturunan mereka sentiasa duduk di rumah kayu. Mereka mahu membuat rumah kayu, tetapi kayu mahal iaitu satu tan \$300 maka sulit bagi mereka untuk

membuat rumah. Saya minta pihak Menteri yang berkenaan mengambil perhatian atas hal ini iaitu di samping kita dapat wang yang banyak hasil daripada eksport kayu kita, kita hendaklah jaga kedudukan rakyat kita yang sulit untuk membuat rumah. Ini bukan bermakna saya tidak suka harga kayu bertambah mahal sebab itu akan mendatangkan untung yang banyak kepada ekonomi negara kita, cuma yang saya hendak menarik perhatian ialah pengawalan supaya orang kampung dan orang kita dapat membuat rumah dengan tidak terlampau teruk.

Hutan-hutan

Tuan Pengerusi, mengenai hutan-hutan. Hutan yang ada sekarang ini, saya agak sudah begitu banyak diteroka ataupun ditebang kayu-kayan dan usaha menanam semula terlampau lambat. Saya rasa patut dipercepatkan sedikit tanaman semula kayu di hutan-hutan kita supaya dapat mengeluarkan hasil yang cepat di masa yang akan datang. Apatah lagi kalau kita tengok berpuluh-puluh ribu ekar satu tahun diteroka, ditanam dengan bermacam-macam perkara, maka hasil kayu-kayan ini akan merusut di masa akan datang. Saya fikir perkara ini haruslah diusahakan secara bersungguh-sungguh.

Eksport Kayu

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya ingin menyebut tentang eksport kayu. Kedudukan sekarang ini nampaknya banyak kayu-kayu telah diharam atau dilarang daripada diekspot ke luar negeri. Yang saya maksudkan kayu bulat atau kayu balak, dengan tujuan boleh diproses dalam negeri ini. Perkara ini baik dari satu segi, dan kurang baiknya dari satu segi yang lain kerana apakala pihak Kementerian mengharapkan eksport kayu bulat atau kayu balak ke luar negeri, maka pihak yang mempunyai mesin ataupun sawmill dan plywood telah dapat memainkan pengusaha-pengusaha kayu dalam negeri ini, hatta dibeli dengan harga yang murah. Ini mendatangkan kedukacitaan kepada pengusaha-pengusaha kayu kerana kata istilah orang-orang yang mengusaha kayu, orang kaum-kaum sawmill telah memotong tengkok mereka. Ini harus diambil perhatian supaya kerjasama ini dapat diadakan antara pengusaha-pengusaha kayu yang

tidak ada mempunyai sawmill atau kilang dengan pengusaha-pengusaha kayu yang ada mempunyai kilang.

Pemasaran

Saya ingin menyebut dalam perkara ini tentang kedudukan pemasaran. Sekarang ini kedudukan kayu, pasarannya adalah bebas. Kita boleh eksport keluar negeri, samada papan dan sebagainya, kecuali perkara-perkara yang telah diharapkan. Saya kira ini satu perkara yang kurang memuaskan kerana kalau perkara-perkara lain pihak Kerajaan boleh mengadakan Lembaga Pemasaran, ada Lembaga Pemasaran Getah dan sebagainya, tetapi dalam perkara kayu, tidak ada, hatta hal ini dapat dipermainkan oleh satu golongan yang mempunyai kekuatan yang cukup, boleh memainkan harga kayu itu, boleh memainkan pengusaha-pengusaha kecil yang ada di Malaysia ini dan dapat mengambil keuntungan daripada mereka itu. Saya kira sebaik-baiknya pihak Lembaga Perkayuan berusaha mengadakan Lembaga Pemasaran yang mana dianggotai atau mengandungi orang-orang yang terlibat dalam hal kayu.

Kilang-Papan

Dalam perkara lain yang ingin saya sebutkan ialah kilang-kilang papan atau plywood ini hendaklah diambil perhatian tentang penyertaan orang-orang Melayu. Kedudukan sekarang, kita dapati orang-orang Melayu kurang menyertai kilang-kilang ini. Ada setengah-setengah yang mempunyai lesen, tetapi penyertaan itu tidak sepenuhnya dalam perkara pengurusan dan pentadbiran. Perkara ini hendaklah diambil perhatian supaya dalam usaha mengejar untuk menaikkan ekonomi orang Melayu, Kementerian ini hendaklah sungguh-sungguh berusaha di mana peluang itu masih banyak dan masih ada kalau benar-benar hendak menaikkan taraf hidup orang Melayu mencapai 30% dalam bidang ekonomi di masa yang akan datang.

Lada Hitam

Pada akhirnya, saya ingin menyebut tentang kedudukan lada hitam. Saya berasa dukacita sedikit bahawa Kementerian ini tidak begitu berusaha bersungguh-sungguh supaya perusahaan lada hitam ini diseratakan bagi seluruh Malaysia. Kedudukan sekarang lebih banyak lagi lada hitam ditanam

dan diusahakan di sebelah Malaysia Timur, manakala Semenanjung Malaysia hanya ada sedikit sahaja di Johor dan Selangor, sedangkan setahu saya bukan hanya kedua-dua Negeri itu sahaja yang sesuai untuk ditanam dengan lada hitam termasuk Negeri-negeri di Pantai Timur, yang saya tahu, secucuk dan sesuai ditanam lada hitam, tetapi kerjasama antara Kementerian ini dan Kementerian Pertanian dan Perikanan dalam usaha membanyakkan tanaman dan perusahaan lada hitam tidak begitu ketara. Saya berharap pada masa yang akan datang usaha-usaha ini harus dijalankan sungguh-sungguh kerana lada hitam ini mendatangkan hasil yang banyaknya dan boleh mendatangkan keuntungan yang besar kepada negara kita.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli yang Berhormat, masa hanya tinggal sedikit sahaja lagi. Saya hanya benarkan sehingga pukul 6.00 petang, lepas itu Yang Berhormat Menteri akan menjawabnya. Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri boleh tengok adakah mencukupi masa sehingga 22 haribulan ini. Dari itu, saya hadkan 10 minit atau 5 minit seorang berucap dalam peringkat Jawatan-kuasa ini.

5.35 ptg.

